**Tuan Syed Esa bin Alwee (Batu Pahat Dalam):** Tuan Yang di-Pertua, muka 21, sub-head 5 Registration of Electors and Revision of Electoral Rolls. Saya dapati ramai di-antara orang² Melayu yang tidak dapat mengundi dengan sebab salah ejaan, mithal-nya HASSAN di-tulis HASAN ia-itu kurang satu "S" dan bagitu juga ada sa-tengah daripada-nya yang saya dapati Ahmad binti Hassan (*Ketawa*). Apabila mereka ini pergi ka-Polling Station untok mengundi maka di-dapati nama-nya dalam pendaftaran itu berlainan dengan nama-nya dalam kad pengenalan, oleh sebab itu mereka tidak dapat mengundi khas-nya kapada orang² Melayu. Perkara ini bukan sahaja berbelas², malahan berpuloh² atau beratus² yang kejadian ini berlaku di-tempat² lain. Saya harap pegawai yang berkenaan akan memerhatikan perkara ini di-seluroh Persekutuan Tanah Melayu.

**Enche' Liu Yoong Peng (Rawang):** Mr. Speaker, Sir, I speak under Head 4, sub-head 9, Local Authority Elections. In particular, Sir, I wish to refer to item (10) Selangor, $12,090, because I know more about local elections in Selangor. Sir, I find that in many of these local elections the Returning Officer is usually the District Officer or the Assistant District Officer of the district; so, he has almost supreme power to decide the manner in which a local election is to be conducted. In these local elections, Sir, there is usually the rule—the Returning Officer lays down the rule—that no party symbol is allowed to be used. So the candidates, according to what they like, may have to use teapot, table, aeroplane, motor car and what not as their symbol. I think it is generally known now that local

elections are being contested increasingly along party lines, and this total disregard of the fact that these candidates do represent their parties—sometimes disallowing them to use their symbols during rallies, or when going to explain to the voters—makes it a sort of condition which amounts to suppressing the activities of the political parties in the elections. Therefore, Sir, I think this is a matter which should be looked into. Although we know that, at present, the Election Commission does not have power over local elections directly, legislation should be introduced to empower the Election Commission to have authority over local elections.

**Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman (Seberang Tengah):** Tuan Yang di-Pertua, Sub-head 5—Registration of Electors and Revision of Electoral Rolls, yang mana saya dapati pegawai² pendaftar telah di-beri peluang kapada pegawai² Kerajaan sahaja untok masok ka-kampong² bagi mendaftarkan nama² pengundi. Saya suka menarek perhatian kapada Ahli Yang Berhormat yang beruchap tadi dan perkara ini saya fikir lebeh baik kalau sakira-nya pemuda² dari sebarang parti politik di-beri peluang untok masok ka-kampong² supaya dapat di-beri allowance di-antara $80—$100.

Berkenaan sub-head 8 saya rasa kesal oleh sebab sahabat saya dari pehak Kerajaan telah juga menudoh di-samping itu pehak pembangkang terutama dari PAS sendiri pula telah terkeluar daripada landasan kerana tiada berpandukan Standing Order atau pun Parliamentary Procedure, bukan itu sahaja, malahan Ahli² pembangkang telah mengeluarkan tudohan² terhadap Parti Perikatan dengan sahaja. Ini tidak-lah patut, kerana apabila kita bermeshuarat dalam Dewan ini hendak-lah kita berpegang tegoh undang² peratoran meshuarat.

**Enche' Abdul Samad bin Osman (Sungei Patani):** Tuan Yang di-Pertua, sub-head 5—Registration of Electors and Revision of Electoral Rolls. Pada masa sekarang kita ada mempunyaï 104 kawasan pilehan raya, tetapi pada masa kahadapan kita akan mempunyaï 100 kawasan sahaja. Saya chuma hendak berchakap dalam negeri Kedah di-mana ada 12 kawasan pilehan raya Persekutuan dan hendak di-adakan kawasan baharu sa-banyak 12 kawasan juga, sunggoh pun bagitu saya berasa hairan, kerana Election Commission ini jikalau ada 12 kawasan dan hendak di-beri 12 kawasan juga kenapa di-pinda² pula. Mithal-nya kawasan Sungei Patani hingga ka-Pekan Tikam Batu yang hanya 7 batu sahaja maka tempat yang hendak di-bahagikan pada masa ka-hadapan ia-lah di-tolak Pekan Tikam Batu yang jauh 7 batu dari Sungei Patani kapada kawasan Kulim Utara yang jauh-nya 30 batu dari Pekan Tikam Batu. Saya rasa kalau pakai kerat sahaja tambah sini dan tambah situ maka perbuatan itu saya fikir ada-lah menyalahi mengikut Perlembagaan negeri ini.

Saya hendak membachakan untok ma'aluman Majlis ini ia-itu Article 116 (4) yang berbunyi:

"Each State shall be divided into constituencies in such manner that each constituency contains a number of electors as nearly equal to the electoral quota of the State as may be after making due allowance for the distribution of the different communities and for differences in density of population and the means of communication..........."

Jadi yang 7 batu sudah di-kerat tolak jadi 30 batu tentu-lah susah. Ini bukan-lah untok menjaga kebaikan malah ada-lah tersekat kapada Polling Station of Election Commission. Oleh yang demikian saya harap perkara ini akan mendapat perhatian dari pehak yang berkenaan sa-bagaimana yang saya dapati di-buat dalam negeri Kedah.

**Enche' Mohamed Yusof bin Mahmud:** Tuan Yang di-Pertua, kita menguntok-kan wang sa-banyak $1,353,077 untok perbelanjaan bagi Election Commission. Perbelanjaan ini sangat besar dan tentu-lah tiap² wang yang di-belanjakan itu kita berkehendakkan pekerjaan yang adil lagi memuaskan. Satu daripada tugas-nya ia-lah untok membagi²kan kawasan² pilehan raya chara baharu mengikut Perlembagaan Persekutuan. Sa-telah Election Commission ini menjalankan kerja-nya, maka kita telah membacha dalam surat² khabar beberapa bantahan, tetapi saya merasa mushkil sedikit, Tuan Yang di-Pertua...

**Enche' Zulkiflee bin Muhammad:** On a point of order—36 (8). The conduct or character of His Majesty the Yang di-Pertuan Agong, of any of Their Highnesses the Rulers or Their Excellencies the Governors of Penang and Malacca, of Judges or other persons engaged in the administration of justice, of members of the Armed Forces Council or of any Service Commission established under Part X of the Constitution, of members of the Election Commission.

Jadi ada-kah perkara ini termasok ka-dalam ini atau tidak? Kalau boleh saya pun hendak berchakap bagitu juga.

**Mr. Speaker:** Mengikut Standing Order 36 (8) tuan tidak boleh berchakap di-atas kelakuan atau sifat terhadap Public Service Commission atau Election Commission—itu sudah terang!

**Enche' Mohamed Yusof bin Mahmud:** Tuan Yang di-Pertua, kelakuan atau sa-bagai-nya tidak-lah saya sentoh, tetapi keputusan yang telah di-buat-nya, kerana kami juga berhak menyuarakan ta' puas hati-nya di-atas keputusan-nya itu. Yang saya sangat mushkil sekali ia-lah peruntokan wang yang sabagitu banyak terhadap Election Commission ini, yang mana pengerusi-nya tak mahu mendengar suara² yang banyak dalam negeri ini. Maka rasa saya wang yang banyak yang di-belanjakan dalam negeri ini tidak ada memberi faedah langsong, sa-umpama-nya satelah dia mengugot kapada kita supaya kita meminda Perlembagaan negeri ini, maka ini yang kami ta' . . . . .

**Mr. Speaker:** Itu ta' boleh! Sudah terkeluar daripada Standing Order!

**Enche' Chin See Yin (Seremban Timor):** Mr. Speaker, Sir, I would just refer to page 21, sub-head 5, Registration of Electors and Revision of Electoral Rolls. Sir, I have, in fact, only three points to make. One is on the shortage of forms we experienced in my town during the revision of the electoral rolls. That created quite a lot of set backs. I hope in the near future sufficient forms will be provided to the office there to give out to the electors.

My second point is on the very confusing and contradictory directives which have been given to the Registration Officers. In some cases these officers did not know exactly what was wanted by the Election Office.

My third point, Sir, is on the appointment of Area Registration Officers. I suggest that the appointment of Area Registration Officers should be made in such a manner that where the majority of the population are Malays, the Registration Officer should be a Malay; and non-Malays also should be treated in that manner—whether they be Chinese or Indians. Sir, in that way we can help in a very big way to bring in more electors to the rolls, and it also helps to simplify matters where there is difficulty with names, where you find a variation in the name as in the identity card and the Federal Citizenship certificate.

These are the points I wish to make and I hope the Commission will bear them in mind.

**Che' Khadijah binti Mohamed Sidek:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Sub-head 21, rakan saya di-sabelah sana mengatakan ia sudah umumkan kapada ra'ayat termasok wanita. Tetapi chara pengumuman itu saya mahu chara yang tegas, itu sebab saya mengemukakan, Tuan Yang di-Pertua, supaya wanita juga di-beri mengambil bahagian dalam soal ini. Tetapi sayang! saya merasa hairan kapada rakan saya wakil dari Jitra yang sentiasa membanggakan diri dalam Dewan ini bahawa beliau telah mendapat jawapan. Di-masa tuntutan hak dahulu juga, ia-itu gaji wanita dengan laki² hendak-lah sama . . .

**Datin Fatimah binti Haji Hashim (Jitra-Padang Terap)** *bangun.*

**Che' Khadijah binti Mohd. Sidek:** Saya tidak beri jalan . . . . jadi kalau untok sa-orang sahaja yang lain tidak mendapat tahu, dan saya minta ketegasan, Tuan Yang di-Pertua, supaya so'al kaum wanita itu jangan di-'am atau di-umumkan sahaja. Dalam hal ini saya tegaskan lagi jangan-lah hendak-nya pehak wanita sendiri mahu mengumumkan wanita dengan bagitu sahaja tetapi tidak mahu menegaskan hak wanita itu dengan sabenar-nya dalam negeri ini supaya wanita dapat juga menuntut kemajuan bagi wanita dalam negeri ini.

**Enche' Kang Kock Seng (Batu Pahat):** Mr. Speaker, Sir, I rise to speak on sub-head 5, Revision of Electors and Revision of Electoral Rolls. There is only one point which I would like to point out and that is in future canvassers should never be paid a flat rate. In the past canvassers were paid $25 per week, in other words, $100 per month, and you will find some of the canvassers sitting around coffee shops, idling away during their period of revision. When you ask them "Why don't you go round?", they would say, "I am getting $25 if I register 100, or I register 500. It doesn't matter." So, I hope this will be taken into consideration in future when appointing these canvassers.

**The Prime Minister:** Mr. Speaker, Sir, a lot of questions were asked about the various items and a lot of statements made with regard to the conduct of elections. I therefore ask your permission to refer to these notes which are provided by the Election Commission representative here. First, certified electoral rolls were issued on March 14th of this year. In answer to an Honourable Member, these rolls cannot be changed once they are issued. The Election Commission should be given specific details of the case which was mentioned by the Honourable Member. The matter has not been previously reported to the Election Commission. And then there was an allegation that there was a shortage of forms. Actually, according to the Election Commission, 4 million forms were printed to register 2½ million people. The Registration Officers are normally supposed to be able to speak the local languages. According to reports, the percentage of registration is 104 per cent. and this, according to the Election Commission, belies the allegation made by the Honourable Member. According to them 104 per cent. of the previous number of electors were registered this year. Therefore, if 104 per cent. were registered, obviously the people must have been able to get the forms. With regard to light going off in the room, that may be due to power failure in that particular area and the Election Commission will not accept responsibility if such a thing should happen.

Again on electoral rolls, the Honourable Member from Batu Pahat suggested kata-nya, nama sa-saorang itu boleh berlain dan tidak dapat hendak mendaftar (register). Mengikut undang² sa-saorang yang hendak dapat mendaftar nama-nya itu hendak-lah ada Identity Card-nya, kerana itu menjadi keterangan yang besar.

Then again the Election Commission had nothing to do in the past with local authority elections. But they will in the next year take over responsibility for local authority as well as town council elections.

Now, with regard to the library, according to the Election Commission, they wish to build up a substantial library on the subject of elections. The number of books on the subject is vast and the Commission is well served, according to them, by having a library of this sort. Therefore, it is the intention of the Election Commission to possess the library.

Then again there is no evidence that any voter entitled to vote at Kampar was not ultimately able to cast his vote. The Election Commission endeavoured to employ the most capable staff available and they also trained this staff before the election day—that was done by the Election Commission. Then again in answer to the Honourable Member, the Election Commission is not responsible for the maintenance of law and order during the elections. Nevertheless, it has tried to get the political parties to come to a gentleman's understanding and the Election Commission hopes that all those who were present at that meeting now understand their responsibility; and they have agreed to do what they can in order to preserve law and order at elections.

The Election Ordinance is published in Malay and English. The whole law relating to Elections will be translated in due course. Then the Chairman of the Election Commission said he listened to all the points made by all members of all parties and that all these parties were represented at that Conference which he held. It should be emphasised, however, that the Chairman is giving his good offices in order to bring about a good conduct. Here again, it is

stressed that they employ Government officers because they can depend on Government officers to do the work and also to have control over them. The Election Commission will try to improve the method of registration. It is said that they are not keen to employ party workers, because they are afraid that they may concentrate their attention on the members of their own Party. That is why they have to employ independent workers, and that is clearly the Government officers. It says that if anybody reads Article 161 of the Constitution, they will understand why the Election Commission has re-defined the constituencies. It is their duty, under the Constitution, to re-define the constituencies. If anybody is dissatisfied with its report, it is too late to do anything about it. However, the only remedy, as I have said, is to amend those articles of the Constitution with regard to the Elections. Then again the remedy lies in the Court.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab Ahli Yang Berhormat itu bahawa patut-lah kita mengambil kaum ibu. Jadi Election Commission ini tidak berani bertanggong jawab di-atas apa² pekerjaan ini dan kena-lah berjalan malam sampai tengah malam. (*Ketawa*). Jadi dia tidak berani berjalan dengan separoh sahaja.

**Che' Khadijah binti Mohamed Sidek:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kaum ibu malam pun boleh berjalan. (*Ketawa*). Saya minta Yang Berhormat Perdana Menteri kalau kaum ibu itu siang boleh berjalan malam pun boleh berjalan maka saya rasa akan lebeh bagus terlaksana berjalan-nya kira² itu.

**The Prime Minister:** Malam ini kelam sedikit! (*Ketawa*).

Question put, and agreed to.

The sum of $1,353,077 for Head 4 ordered to stand part of the Schedule.

*Head 5—*

Question put, and agreed to.

The sum of $533,995 for Head 5, ordered to stand part of the Schedule.

*Head 6—*

Question put, and agreed to.

The sum of $102,505 for Head 6 ordered to stand part of the Schedule.

*Head 7—*

**Enche' Zulkiflee bin Muhammad:** Tuan Yang di-Pertua, beberapa hari yang lalu saya hendak berchakap ia-itu Yang Berhormat Perdana Menteri di-dalam tugas-nya sa-bagai Perdana Menteri bahawa dia juga mengambil tahu berkenaan dengan hal Irian Barat dan sa-malam Yang Berhormat telah memberi keterangan kapada Dewan ini berkenaan dengan apa yang telah di-buat-nya.

**Enche' Lim Kean Siew:** On a point of order, Mr. Speaker, Sir, does the matter of West Irian come under the Prime Minister's Department or under the Ministry of External Affairs?

**Mr. Speaker** (*to Enche' Zulkiflee*): Under what sub-head are you talking?

**Enche' Zulkiflee bin Muhammad:** Under this sub-head, Sir. Saya perchaya Perdana Menteri itu tidak keberatan menerangkan hal ini.

**Enche' Tajuddin bin Ali (Larut Utara):** Tuan Yang di-Pertua, saya minta kebenaran hendak berchakap di-atas sub-head 1 item 1 muka 25. Tuan Yang di-Pertua, ada-lah peruntokan sa-banyak $14,036 itu saya berpendapat ia-lah satu peruntokan yang tidak sa-imbang dengan kerja² dan tugas² yang di-perbuat oleh Yang Teramat Mulia Tengku Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri itu.

Kita sakalian ini ada-lah bertedoh di-bawah naungan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri khas-nya dan Perikatan 'am-nya. Oleh yang demikian saya minta kebenaran kapada Tuan Yang di-Pertua, dan kapada Ahli² Yang Berhormat sakalian, tidak-lah keberatan hendak-nya berdo'a ka-Hadherat Allah, moga² mereka berdua ini akan tinggal memerentah sa-hingga lama bagi tahun² yang akan datang.

Sakian-lah sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kaseh.

**Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda:** Sebab Parlimen tidak meluluskan saperti itu, tentu-lah akan berkurang belanja-nya dan sa-lain daripada itu

dalam mengadakan layanan² ia-itu kalau kita memberi jamuan atau layanan kapada tetamu yang datang dari luar negeri biar-lah merupakan bentok atau sifat kebudayaan negeri ini sendiri. Oleh yang demikian dapat-lah kita melahirkan satu pandangan kapada pelawat² luar negeri itu bahawa Tanah Melayu ini ada mempunyaï kebudayaan-nya sendiri. Saya rasa itu-lah sahaja.

**Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berchakap di-dalam perkara Perdana Menteri ini ia-itu Sub-head 1, Item (3) Assistant Minister (Information and Broadcasting).

**Mr. Speaker:** Item?

**Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah):** Sub-head 1, Item (3).

**Mr. Speaker:** Muka?

**Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah):** Muka 25, nombor (3).

**Mr. Speaker:** Nanti dahulu, saya belum dapat lagi. Ia ada, sekarang teruskan.

**Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah):** Menteri Muda Penerangan dan Siaran Radio barangkali, Tuan Yang di-Pertua, terlambat saya memberikan uchapan tahniah di-atas kejayaan-nya sa-bagai Menteri Muda Penerangan dan Siaran Radio dalam Dewan ini.

**Mr. Speaker:** Ini gaji dia!

**Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah):** Ia, gaji dia. Tuan Yang di-Pertua, tentang gaji yang di-berikan kapada Menteri Muda Penerangan dan Siaran Radio sa-banyak $2,000 pada sa-bulan itu, rasa saya, terlalu banyak, Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*). Oleh kerana pada pendapat saya dan juga pada pendapat kawan² saya sa-belah parti pembangkang ini, kerja yang di-buat oleh Menteri Muda Penerangan dan Siaran Radio ini lebeh banyak mengerjakan perbuatan² parti-nya sendiri daripada kerja yang telah di-untokkan oleh Kerajaan kapada-nya. Dan jika sakira-nya Kerajaan membayar wang sa-banyak $2,000 sa-bulan, itu terlalu banyak oleh kerana dia selalu menggunakan Jabatan ini untok kepentingan parti-nya. Mithal-nya, Tuan Yang di-Pertua, Menteri Muda Penerangan dan Siaran Radio ini pernah mengadakan satu Kursus Tata Ra'ayat di-mana² pun juga, pada pendapat saya, sa-bagai Menteri Muda Penerangan dan Siaran Radio hendak-lah dia bertugas bagi merapatkan perhubongan ra'ayat yang telah retak akibat Pilehan Raya, yang telah bermacham² bentok dan keadaan-nya supaya Menteri ini bertanggong-jawab bagi menyelesaikan masharakat di-antara mereka itu. Tetapi, saya dapati, Menteri yang bergaji $2,000 ini, sudah menyalah gunakan dengan mengadakan Kursus Tata Ra'ayat dengan menchachi parti² lain dalam Kursus Tata Ra'ayat mithal-nya. Apa hubongan-nya dengan menyatakan Parti Kesatuan Islam di-dalam suatu Kursus Tata Ra'ayat kapada Ketua² kampong di-Selangor pada suatu masa dahulu, apa ada dengan hubongan-nya. Saya rasa, sudah banyak benar kita berikan $2,000 kapada Menteri Muda, biar-lah kita kurangkan sadikit supaya yang sa-tengah-nya itu di-berikan oleh Parti-nya.

Tuan Yang di-Pertua, di-lain masa, Menteri yang kita gaji sa-banyak $2,000 ini telah berbentok sa-bagai sa-orang Dictator yang sudah layak; saya tidak tahu apa yang hendak jadi kapada Menteri ini dengan bentok yang ada pada-nya. Kadang² . . . . . . .

**Enche' Tajudin bin Ali:** On a point of order.

**Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah):** Nombor berapa?

**Enche' Tajudin bin Ali:** Penerangan atas Dictator.

**Mr. Speaker:** Tolong jangan panjangkan sadikit.

**Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah):** Dictator itu macham mana, Tuan Yang di-Pertua, . . . . . . . .

**Mr. Speaker:** Tolong jangan panjangkan. (*Ketawa*).

**Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah):** Jadi, Tuan Yang di-Pertua, pada suatu masa yang lain, Menteri itu juga yang kita bagi gaji $2,000, dia pergi ka-Trengganu menghasut ra'ayat di-Trengganu itu supaya memerontak. Jadi, gaji yang sa-banyak ini dengan merayu ra'ayat membuat bagitu supaya mengikut parti-nya ini, saya rasa, terlalu

banyak gaji-nya dan ta' patut kita berikan.

Tuan Yang di-Pertua, pada satu masa dahulu saya pernah bertanya kapada Perdana Menteri, apa-kah Menteri Penerangan dan Siaran Radio ini datang di-Kelantan atas urusan-nya sendiri atau pun kerja-nya sa-bagai Assistant Minister. Perdana Menteri menjawab, itu urusan parti. Tetapi Menteri yang kita gaji $2,000, dia sampai di-Kelantan, Tuan Yang di-Pertua, rupa²-nya ada wayang gambar yang di-tayangkan berserta gambar-nya ada sakali. Dia datang di-Kelantan waktu itu tidak saperti sa-orang Badan Penerangan dari parti politik-nya tetapi bekerja sabagai Assistant Minister. Jadi, rupa-nya keterangan yang di-berikan oleh Perdana Menteri waktu itu telah berlainan dengan keadaan yang sa-belum-nya.

**Tuan Haji Ahmad bin Saaid (Seberang Utara):** Nombor 36 (7), on a point of order. Tuan Yang di-Pertua, kerana gaji itu lebeh, kenapa-kah tidak di-kemukakan pindaan dua hari dahulu, baharu boleh di-chakapkan.

**Enche' Zulkiflee bin Muhammad:** Dia hanya menyebutkan sahaja.

**Mr. Speaker:** Dia minta ruling dengan saya, jangan-lah orang lain memberikan ruling. Biar-lah ruling itu datang-nya dari Speaker sendiri. Kalau ramai yang hendak jadi Speaker, susah-lah saya hendak jadi Speaker dalam Majlis ini. Dia tidak membuat pindaan itu, tidak-lah boleh kita salahkan dia meminta kurangkan gaji. Dia boleh berchakap, sekadarkan saya minta jangan-lah di-panjangkan sangat kerana banyak lain² orang yang hendak berchakap. Kalau hendak membawa mithal satu² kerja yang di-buat oleh Assistant Minister ini, saya rasa, sampai pagi besok pun tidak boleh habis meshuarat ini.

**Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah):** Tuan Yang di-Pertua, saya rengkaskan sahaja berkenaan dengan Assistant Minister yang bergaji $2,000 ini. Saya minta-lah; sebab Assistant Minister ini di-bawah Perdana Menteri, supaya Yang Teramat Mulia Perdana Menteri dapat membetulkan kedudokan dia sesuai dengan dasar Kerajaan, sesuai dengan dasar supaya dia ini bertanggong-jawab bagi merapatkan hubongan ra'ayat—tidak pechah belah dan tidak menghasut; habis itu, Tuan Yang di-Pertua, saya masok kapada perkara lain.

Perkara Sub-head nombor 7, muka 28 ia-itu Maintenance of Residences and Compounds, sa-banyak $29,340. Tuan Yang di-Pertua, ta' banyak comment saya dalam perkara ini; tahun sudah ta' ada nampak-nya, tahun ini ada sa-banyak $29,340. Saya harap biar-lah wang peruntokan kediaman dan ke-dudokan Yang Teramat Mulia Perdana Menteri itu, sesuai dengan kedudokan-nya tetapi ta' usah-lah duit-nya terlalu banyak dengan sa-mata² kerana itu.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Sub-head nombor 21 —Study Tours. Apa-kah yang akan di-belanjakan wang sa-banyak $900,000 ini. Saya tidak tahu, Tuan Yang di-Pertua, apa-kah jenis dan bentok-nya, saya harap supaya dapat Perdana Menteri menjelaskan kedudokan Study Tours yang di-maksudkan dalam Sub-head 21 ini.

Berkenaan dengan Sub-head nombor 18—Peraduan Kor'an bagi Persekutuan Tanah Melayu ini, saya uchapkan terima kaseh kerana benda ini akan di-jadikan satu perkara yang akan di-lakukan pada tiap² tahun tetapi biar-lah kerja² yang akan di-lakukan itu lebeh berfaedah daripada masa yang sudah², dan saya salah sa-orang ahli Jawatan-Kuasa-nya bila² masa sahaja akan memberikan fikiran di-dalam perundingan itu.

Berkenaan dengan Sub-head 25, ia-itu Grants to Sports, Cultural and Muslim Organisations. Pertubohan apa-kah yang di-maksudkan dengan Muslim Association ini dan apa-kah tujuan Kerajaan memberikan bantuan sa-banyak $200,000 itu kapada Sub-head yang bernombor 25 ini.

**Enche' D. R. Seenivasagam:** Mr. Speaker, Sir, I rise to speak under sub-head 1, item (3) Assistant Minister (Information and Broadcasting) ($2,000), and not only do I say that that salary is too much, but I say that that post should not exist from the experience we have had. I am speaking strictly on

the policy of the service which should be adopted by the holder of that post.

Mr. Speaker, Sir, I also not only support but go further to say that the Assistant Minister of Information and Broadcasting is not only a dictator, but he is also a terroriser of the Press and the Radio......

**The Prime Minister:** I do not think the Honourable Member can use the word "terroriser"—that is unparliamentary language.

**Mr. Speaker:** You can use the word "dictator", but not "terroriser"—that is unparliamentary.

**Enche' D. R. Seenivasagam:** I withdraw the word "terroriser"......one who instils fear into the Press and the Radio of this country.

Mr. Speaker, Sir, the service that this House expects from the Assistant Minister of Broadcasting and Information is a service to be confined to broadcasting and information on behalf, perhaps, of the Government of this country. But, Mr. Speaker, Sir, we have heard a self-styled person who chooses to take upon himself the duty of Minister of Internal Security, and I would refer here to a statement made in this House by the Assistant Minister of Broadcasting and Information, which is clearly indicative beyond any doubt whatever of the dictatorial tendencies that exist:

"Syed Ja'afar Albar made a short but forceful speech about Press freedom.

'Nowhere in the world,' he shouted, 'is there such a thing as absolute freedom'.

He stressed that the freedom of the Malayan Press was guaranteed in the Constitution of the country.

'But', he warned, 'although that freedom is given, each and everyone should understand that the Government will not stay quiet and watch those trying to use those powers for personal reasons'.

He said he would not allow the Press to create disharmony among the different races by using the Rahman Talib (education) report as an excuse.

He described the report as the "best plan" for education in the country.

He went on to discuss Radio Malaya......"

And then—

"Said Syed Albar: 'Radio Malaya is not for the use of one party alone, but for the entire nation'.

I feel the officers in Radio Malaya today are satisfied that they are not oppressed in any way whatsoever. They have faith and are happy in their jobs.

They feel they are working not for the Alliance but for the whole country.

The Radio Department will always be Government. There will be danger if we allow this important instrument to fall into the hands of irresponsible people running a corporation".

Mr. Speaker, Sir, I say this post should not exist because the Honourable Assistant Minister indicates that he is going to be the judge and the jury of whether a newspaper is doing its job properly or not, and he is going to stop them. Who is he to do that?

Mr. Speaker, Sir, newspapers enjoy the freedom of the press, and freedom of the press means the freedom to print subject to the laws of the country, not subject to the whims and fancies of the Assistant Minister of Information and Broadcasting who has no business to interfere with the freedom of the press, because he said he will see that they do not do it. That is why I say that that post, if the post is now held by a person who has such dictatorial tendencies, should be abolished, and not only $2,000 is too much, but even $10 is not worth it. (*Laughter*)

**Enche' Lim Kean Siew:** Mr. Speaker, Sir, of course, the Honourable Member for Ipoh always forestalls me when he has a chance to speak.

**Mr. Speaker:** What did you say?

**Enche Lim Kean Siew:** I said, of course, the Honourable Member for Ipoh always forestalls me when he has a chance to speak.

**Mr. Speaker:** Better not repeat what he has already said.

**Enche' Lim Kean Siew:** No, but I was going to say further. I say that if the Honourable Member for Tanah Merah is correct, not only we should not pay him $10, but I think he should pay to the Government for the use of Government vehicles for his own interests.

Mr. Speaker, Sir, it is regrettable that the Assistant Minister of Information and Broadcasting is continually and persistently going beyond his powers and duties as Assistant Minister of Information and Broadcasting. We all

have heard him speak in Parliament. He does not speak, he shouts—as the paper stated yesterday he shouted about freedom of the press. Well, if there is proper freedom of the press, he does not have to shout. And he said yesterday, Mr. Speaker, Sir, that everybody in Radio Malaya is happy, and that is another reason why I said that there should be more books in the Library for him to read, so that he can refer to the word "happy" (*Laughter*).

**Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar:** Saya tidak pakai perkataan "happy".

**Mr. Speaker:** Ini point apa, hendaklah tunggu sampai ia beri jalan atau tidak.

**Enche' Lim Kean Siew:** And he said, according to the translation in our official language, that those people feel that they are working not for the Alliance but for the whole country. If I remember, some time in the session previous to the last, he made a statement that Radio Malaya should not publish any news of Opposition Parties in Parliament, and I think he did run to the Honourable the Prime Minister himself to get support for his, I would say, very arbitrary and dictatorial act. It is very unfortunate that he still finds protection under the big umbrella of the Prime Minister himself.

Mr. Speaker, Sir, I now refer to the total expenditure of the Prime Minister's Department which is $2,987,144 as opposed to $2,766,201 last year. The Member for Larut Selatan, who, after his voluminous speech, has disappeared again to his town of Great Peace, did refer to my remarks that last year's Budget was a grasshopper's Budget. Well, I would like to say here that the grasshopper is jumping higher than ever before. This $2.987-odd million is part of the total expenditure of $957,987,000 in the Budget. Although it is quite true that never before has revenue gone up to the $1,000 million mark, it is also quite true that never before in the history of Malaya has so much money been spent. So, in order to get a complete picture, we must look at the revenue as well as the expenditure.

**Mr. Speaker:** We are not going back to the general principles.

**Enche' Lim Kean Siew:** No, but I say this forms part of the total expenditure. Under this Head itself, it would appear as if we are spending in the Prime Minister's Department only about $100,000 more than before. Well, of course, the Assistant Minister of Information's salary probably contributed something towards the increase, and whether it is worthwhile or not is, of course, another matter. But the point is that it is not really correct to say that there is only this increase of one hundred over thousand dollars; the increase is in fact more, if we go properly into the accounts. For example, we are still getting an expenditure of $2.987-odd million in spite of the fact that many items have been taken out of the Prime Minister's Department and put into other Departments. Well, let us refer, first of all, to Security and Intelligence, page 26. The expenditure last year according to this Section here, on Security and Intelligence, was $111,000. All that has now been taken out of the Prime Minister's Department and put under the Ministry of Internal Security, which is another peculiar outgrowth; and then after that we come to the Anti-Corruption Agency. In the Anti-Corruption Agency, $44,556 has again been removed and placed under the Ministry of Internal Security. We then come round to the last page, that is page 30, which deals with Ex-gratia Disturbance Grants to Members of the Family of His late Majesty Tuanku Abdul Rahman, Funeral Expenses, etc., etc., and then various sums are written down in that column—and I worked them out and they come to a total of approximately $200,000. All these have been removed and the rough total of all those items removed from the Prime Minister's Head in this year's budgetary proposals comes to approximately $360,000. Therefore, to this figure of $2,987,000 we must add another $360,000. Therefore, in fact the expenditure of the Prime Minister's Department has gone up by roughly half a million dollars. But when we say half a million dollars, is it in fact a correct figure? I mean, can we not find something more than that? Of course, we can, because sub-head 21, Study Tours, which has been $1,000,000

before, has now been reduced to $900,000. So, in fact, the $2,987,000 has been depressed further by a deliberate reduction of $100,000 for Study Tours. So, in fact, if we were to spend the same amount for Study Tours this year as last year, then the total figure would be increased by over half a million dollars.

I criticise portions of this Budget which seems to appear to me to be slightly confusing, whether deliberately or not, I do not know. But let us consider the Prime Minister's Lodge in Fraser's Hill.

**Mr. Speaker:** What item?

**Enche' Lim Kean Siew:** Many items. First of all on page 28, Division IV, The Lodge, Fraser's Hill. Now, it would appear, if you look at these items only, that there is not much expenditure, but in fact the expenditure on the Lodge has been put into many parts of the budgetary proposals. So. under Division IV, The Lodge, there is an expenditure of $4,948. Then if you look further down the page under Other Charges, Annually Recurrent, sub-head 11, we have another item on the Lodge, The Lodge, Fraser's Hill $6,915. So, in fact the total comes up to more than $13,000. But we turn over the page and come to page 30 and we find Furniture and Equipment for The Lodge, Fraser's Hill, no expenditure. So this would give the impression that there is not any expenditure on the Lodge, when in fact that expenditure has been put into page 28.

Mr. Speaker, Sir, I would like clarification as to what the Study Tours have achieved and will achieve for us, because we are thinking of spending $900,000 this year. I know that several committees have been sent abroad to attend various conferences, partial or otherwise. But as far as I am aware, there seems to have been no result from those people who have gone overseas, especially from the Honourable Member from Port Dickson. I think he went on a study tour overseas, and he has been very silent in this Parliament.

**Enche' T. Mahima Singh (Port Dickson):** Mr. Speaker, Sir, on a point of clarification.

**Enche' Lim Kean Siew:** Sir, I won't give way (*Laughter*).

Now we come to page 29, sub-head 25, Grants to Sports, Cultural and Muslim Organisations. Well, I wonder if the Honourable Prime Minister would clarify this, because I do not know if the question of sports should come under the Ministry of Social Welfare or under the Prime Minister's Department; and on the question of Muslim Organisations, I wonder if it should come under Education rather than under the Prime Minister's Department. As to Cultural Organisations as well as Sports, we do recognise that these things ought to be encouraged in this country, but we would be very happy if the Honourable Prime Minister would tell us how he intends to spend this money. I think that is all I wish to say.

**Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun hendak berchakap sadikit lagi berkenaan dengan Item 3. Menteri Muda Penerangan dan Siaran Radio ini. Tuan Yang di-Pertua,......

**Mr. Speaker:** Perkara ini jangan di-ulang².

**Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda:** Ini perkara baharu ......

**Mr. Speaker:** Pendekkan sahaja. Hendak kurangkan atau hendak di-buang langsong gaji itu.

**Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda:** . . . sa-bagai alasan. Suatu masa dahulu telah pernah di-tanya di-dalam Dewan ini oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun kapada Yang Berhormat Perdana Menteri tentang lawatan Yang Berhormat Menteri Muda Penerangan ini ka-negeri Kelantan pada masa yang lalu bagaimana-kah chara ia masok itu. Kemudian di-jawab oleh Yang Berhormat Perdana Menteri, pemergian Yang Berhormat Menteri Muda Penerangan itu bukan atas nama Kerajaan, tetapi atas nama sa-bagai Ketua Penerangan U.M.N.O. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kemudian daripada itu, apakala saya selideki di-dapati-lah bahawa dalam masa ia mengadakan lawatan itu, ia telah mengadakan satu kursus (Civics Course) di-daerah Kadok dalam negeri Kelantan. Dalam Civics

Course ini, kadang² kita nampak ia membuat analisa berkenaan dengan Kerajaan, di-champor adokkan-nya dengan analisa politik yang tidak ada kena-mengena sadikit pun dengan tugas-nya untok memberi Civics Course kapada Ketua Kampong dan Penghulu² di-sana. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan chara melantek sa-orang pegawai penerangan daripada sa-buah parti politik menjadi Menteri Muda Penerangan ini menyebabkan kerja ber-chelaru—chelaru itu bahasa Kelantan—ma'ana-nya, ia tidak dapat membezakan kerja-nya sa-bagai ketua penerangan politik atau sa-bagai Menteri Muda Penerangan. Jadi bershukor-lah kita pada Tuhan akan ada-nya Pegawai Penerangan dalam Persekutuan Tanah Melayu ini yang lebeh faham daripada Yang Berhormat Menteri Muda itu sendiri dalam menjalankan tugas-nya. Jika tidak, rosak-lah dasar penerangan negeri ini. Sa-lain daripada itu, dalam masa lawatan-nya di-Kelantan, waktu beliau mengambil tempat sa-bagai sa-orang yang membuka satu station electric di-bandar Melor dalam Jajahan Kota Bharu, dalam kesempatan beliau beruchap sa-bagai Menteri Muda Penerangan, beliau telah membabitkan soal parti politik dalam kerja-nya sa-bagai Menteri Muda Penerangan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau hal ini tidak di-betulkan, saya fikir ke-dudokan Jabatan Penerangan dalam Persekutuan Tanah Melayu ini akan bertambah rosak. Dengan sebab perangai Menteri Muda sa-demikian itu-lah telah meletakkan Yang Berhormat Perdana Menteri kita pada tempat yang serba salah; hendak di-jawab pergi sa-bagai Menteri Muda Penerangan, kerja yang di-buat-nya banyak berchampor adok dengan kerja parti—menyerang parti lawan, hendak di-katakan pergi sa-bagai ketua penerangan parti, ia memberi Civics Course yang di-dalam-nya di-champor adokkan analisa politik. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sa-orang Menteri Muda yang pendek-nya kurang tahu tanggong jawab dia sa-bagai Menteri Muda Penerangan......

**The Assistant Minister of Information and Broadcasting (Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar):** Saya tahu.

**Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda:** . . . patut-lah di-beri pelajaran sadikit oleh Yang Berhormat Perdana Menteri supaya tidak-lah ia melakukan tugas-nya dengan chara yang serba salah saperti ini. Itu-lah sebab sahabat saya menge-mukakan gaji sa-banyak $2,000 itu di-kurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya berpaling kapada muka 28 Sub-head 5. Government Hospitality Fund sa-banyak $150,000......

**Mr. Speaker:** Muka berapa?

**Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda:** Muka 28.

**Mr. Speaker:** Sub-head?

**Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda:** Sub-head 5. $150,000 telah di-untokkan, jumlah ini sama juga dengan tahun ini. Ada satu perkara yang saya hendak beri pandangan kapada Kerajaan dalam melakukan tugas perkara Sub-head 5 ini. Pehak Kerajaan patut-lah berhemat sadikit dalam mengadakan hospitality saperti yang di-sebutkan ini. Dan saya perchaya barangkali dalam tahun hadapan perhematan itu dapat di-jalankan, terutama sa-kali kalau di-adakan satu jamuan khas, minuman keras tidak di-adakan lagi sebab Parlimen tidak meluluskan minuman yang saperti itu; tentu-lah belanja-nya kurang.

Dan selain daripada itu dalam mengadakan layanan saperti ini jangan-lah kita lupa dalam memberi layanan kepada orang yang datang daripada luar negeri ka-Tanah Melayu ini dengan seberapa yang boleh bentok dan sifat layanan itu biar-lah benar² merupakan bentok dan sifat kebudayaan negeri ini sendiri supaya dapat melahirkan perasaan pandangan pelawat² dari luar negeri bahawasa-nya Tanah Melayu ini ada sifat dan bentok yang tersendiri.

**Enche' T. Mahima Singh:** Mr. Speaker, Sir, I rise to correct a statement made by the Honourable Member for Dato Kramat. One would think that he would check up his facts before he makes his statement, but as is usual for the Honourable Members of the Socialist Front, he just makes any statement that comes to his mind. I would like to inform him that I did not go on any

grant, but I paid my own. He could have made it very clear, because it was stated in the Press.

**Enche' Lim Kean Siew:** Mr. Speaker, Sir, I wonder whether he would say whether he paid his passage and his living allowance or paid only his passage and had hospitality on Government funds.

**Tuan Haji Ahmad bin Abdullah (Kota Bharu Hilir):** Tuan Yang di-Pertua, saya berchakap di-atas item yang pertama sub-head 1 muka 25, ia-itu Prime Minister $4,000. Saya berasa hairan bahawa Yang Berhormat Perdana Menteri kita sa-malam telah melakukan satu tektik atau chara hendak melarikan diri daripada menjawab soalan[2] yang sedang di-kemukakan. Mengikut Dewan Ra'ayat bertarikh 30hb. November, di-dalam item 27 soalan 27 saya bertanya kapada Yang Berhormat Perdana Menteri, berapa ribu-kah orang[2] yang telah masok di-dalam Tanah Melayu di-dalam tahun 1958, 1959 dan 1960 dan berapa-kah pula . . . . . . . .

**Mr. Speaker:** Soalan awak ini tidak ada kena mengena dengan gaji. Ini ada-lah fasal gaji, macham mana awak boleh berchakap dalam perkara itu?

**Enche' Zulkiflee bin Muhammad:** Apa yang di-bawa-nya itu ia-lah "policy of the service".

**Mr. Speaker:** That is not the policy he is talking about. Are you trying to challange my order? You can do that under a substantive motion, that is all. Kita chakap sekarang fasal gaji, chakap-lah fasal gaji.

**Tuan Haji Ahmad bin Abdullah:** Saya akan berchakap dalam bab External Affairs nanti.

**Enche' Zulkiflee bin Muhammad:** Tuan Yang di-Pertua, di-sini sub-head 21 muka 29, ada satu peruntokan yang agak saya paling besar sa-kali di-dalam head ini. Tadi banyak Ahli Yang Berhormat mengemukakan pertanyaan[2] Tuan Yang di-Pertua. Saya fikir elok-lah di-jadikan dasar bagi perkhidmatan yang ada di-sini bahawa Kerajaan membawa ra'ayat[2] atau ketua[2] ra'ayat terutama bagi mereka yang di-kampong[2] keluar negeri untok melihat perusahaan[2] kechil di-luar negeri. Dengan study tour Tuan Yang di-Pertua kita akan membolehkan ketua[2] ra'ayat itu memahami perkembangan kehidupan di-negeri lain yang akan membolehkan mereka itu apabila kembali ka-negeri mereka itu meniru dan menauladani perkara yang baik[2].

Pada fikiran saya Tuan Yang di-Pertua, tidak-lah chukup orang[2] yang berpangkat besar sahaja mendapat peluang Study Tour bahkan gerakan[2] pemuda[2], gerakan[2] ketua[2] kampong patut di-beri peluang, terutama mereka[2] yang mengambil bahagian dalam sharikat Kerjasama. Dengan jalan ini dapat-lah mereka pandangan yang luas meninjau ka-negeri[2] yang telah maju itu. Satu daripada-nya yang patut di-perhatikan oleh Kerajaan di-dalam perkhidmatan itu ia-lah membawa mereka itu ka-negeri[2] yang kehidupan orang[2] negeri itu tidak amat berlain dari kehidupan kita sendiri. Sebab jika kita bawa mereka itu ka-England sa-umpama-nya tentu-lah amat payah bagi mereka hendak meniru kehidupan yang saperti itu, perkembangan Industry[2]-nya. Bagitu juga di-Amerika, tidak akan dapat menolong mereka membuat satu kesimpulan bagi negeri itu. Saya fikir di-dalam Study Tour ini lebeh utama-lah di-asaskan lawatan[2] itu ka-negeri[2] yang berdekatan ia-itu negeri[2] yang berhampiran dengan Persekutuan Tanah Melayu di-Asia ini.

Boleh jadi, Tuan Yang di-Pertua, ada pendapat akan mengatakan bahawa tidak ada lebeh-nya negeri[2] itu dari negeri kita, tetapi pada fikiran saya pergi-lah lebeh dahulu dan kaji-lah dalam jurusan apa yang hendak di-buat, kemudian baharu-lah hantarkan mereka itu di-situ.

**Enche' T. Mahima Singh:** Mr. Speaker, Sir, I wish further to dispel the ignorance of the Honourable Member for Dato Kramat, so that it need not disturb his sleep any further, by saying—as we are discussing the Malayan Budget—that no money from the Malayan Budget was spent on my tour.

**Enche' Tan Phock Kin:** Mr. Speaker, Sir, it is regrettable that the Honourable the Prime Minister did not introduce this particular Head with explanations on items that obviously need explanation. For example, if we look at the

Estimates, we find a new item on page 25, item (7), Special Representative, Supernumerary Officer, Superscale F, $17,880: there is no explanatory note whatsoever, and so I presume that it is a new post. It will greatly assist the House if subsequently Ministers introducing their estimates would kindly give us an explanation as to the necessity of new posts being created, so that Members of the Opposition would not ask questions to which obviously answers are required and in which the public is interested. In view of the fact that no explanations have been given, I would like to ask the Prime Minister to explain to the House the necessity for creating such posts and to tell this House the duties of people who will fill such posts—I refer here, Sir, to Item (7), Special Representative, Supernumerary Officer, Superscale F, $17,880 and Item (8), Principal Assistant Secretary, M.C.S., Superscale H, $16,320, *Not to be filled without Treasury approval:* and going down the page, under Economic Division, we have another item Principal Assistant Secretary, M.C.S., Superscale F, $17,880. I shall be grateful if the Honourable the Prime Minister will kindly explain to the House the necessity for such new positions and what are the duties involved in these new posts.

Secondly, I would like to refer to Item (9), Press Secretary, Superscale J. It shows an increase from $13,044 to $15,048 and it is marked with a note, "*Personal to the holder.*" Here I would like to have an explanation from the Honourable the Prime Minister as to the reason for the increase—whether such officer is not subject to specific scales which apparently we have for certain officers in Government service. Apparently, this is a departure from the general practice and I want to know why this particular officer is treated differently and that the salary should be personal to him. I also would like to know whether such departure from general practice will have repercussions in other Departments.

I now come to Item (27), Entertainment Allowance. There is shown here a figure of $34,800—previously provided under Head "Parliament"—and when I turn to the Head "Parliament" I notice that the figure provided for all Ministers and Assistant Ministers in the Government is $66,000. Thus it will be seen that the sum provided for apparently two Ministers in the Prime Minister's Department and the Assistant Minister (Information and Broadcasting) —that is for three Ministers—has amounted to more than half the sum provided last year for all Ministers. Unfortunately, there is no clarification here to indicate whether the sum for entertainment by those three Ministers shows an increase or decrease. So, I would like to have clarification on this particular point. It appears to me that for three Ministers to utilise half of the entertainment allowances formerly given to all Ministers as being a bit on the high side. Besides, I believe that at its meeting recently a Resolution was passed by this House to the effect that no liquor shall be served at all official functions of the Government. I am merely pointing out that for every entertainment, I think, liquor formed the most expensive item of expenditure and in view of that Resolution, which was adopted, this figure is rather high, because apparently the provision here did not take into consideration the Resolution that was passed by this House recently. Coming to Housing and Hotel Allowances, Item (32), it shows a substantial increase from $14,000 to $22,398. I shall be grateful if clarification can be given on those particular points.

Turning now to page 29, Sub-head 32 under Special Expenditure, Furnishing for Residency, a sum of $25,000 is being provided. I shall be grateful if the Minister concerned can inform this House whether the furnishing for the Residency is in accordance with a prescribed scale which is, I believe, made by the Public Works Department—whether it conforms with it, whether they have agreed on this sort of scale, and whether the $25,000 is in accordance with the scale recommended; and further I would like to know as to when was the last time the Residency was furnished and the necessity for an expenditure of another $25,000 for purchasing new furniture for the Residency—when was the last time new furniture was purchased and whether the furniture that had been purchased

has become outmoded or is not suitable for use, or merely because it is old fashioned, or merely because it does not suit the taste of the occupant of the Residency. I should be grateful if information can be given by the Minister concerned.

**Enche' Abdul Ghani bin Ishak (Malacca Utara):** Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya hendak berchakap berhubong dengan sub-head I item 3 berkenaan dengan penerangan. Saya rasa pendapat yang di-keluarkan oleh pehak pembangkang tadi ada-lah pendapat yang silap terutama sekali pandangan yang di-datangkan oleh wakil Tanah Merah dan juga wakil Ipoh yang memandang bahawa perkara ini tidak berguna atau tidak bijak, tetapi nampak-nya apa yang di-chakapkan oleh wakil itu ada-lah tidak menasabah sama sekali kerana mereka sendiri tahu yang kerja dan tugas Menteri Muda ini ia-lah untok menerangkan policy Kerajaan dengan penerangan yang terang sa-hingga apa yang di-sebutkan pada kursus tata ra'ayat tempoh hari dahulu ia-itu chara pemerentah PAS di-Kelantan dan Trengganu yang mana rasa saya bukan itu sahaja yang patut di-chakapkan malah harus di-chakapkan atas dasar semua negeri—pemerentah semua negeri dalam dunia ini kalau dapat lebeh baik kerana kita hendak menghidupkan ra'ayat dengan lebeh sempurna. Jadi kalau boleh kita hendak sebutkan burok baik-nya keadaan sa-suatu negeri itu supaya ra'ayat dapat menimbangkan-nya bukan hanya hendak di-pakai bahkan hendak di-timbangkan juga bagaimana hendak di-gunakan pada masa yang akan datang.

Saya faham kerana ada di-antara Ahli² yang berasa iri hati di-mana peluang itu di-dapati oleh orang kita dan di-gunakan perkara ini kapada parti-nya. Saya boleh mithalkan bahawa bukan 24 jam masa-nya sa-orang Menteri Muda itu bekerja kerana jawatan-nya, tetapi ada-lah masa-nya kerana kerja parti, sebab kita semua ada-lah terdiri daripada ahli² parti, kalau siapa memerentah sekali pun walau pun PAS memerentah tentu ada Menteri Muda Penerangan yang datang-nya daripada parti-nya. Kalau PPP memerentah sekali pun tentu-lah mereka hendak menegakkan dasar Kerajaan-nya atau dasar parti-nya mungkin lebeh terang lagi. Saya rasa hujah yang di-datangkan berhubong dengan item ini ta' ada apa ma'ana langsong.

Sekarang saya pergi kapada sub-head 21—Study Tours. Saya rasa perkara ini patut-lah kita sama² menguchapkan tahniah kapada yang berkenaan dan kalau ada duit harap di-perbanyakkan sedikit lagi, tetapi oleh kerana ta' ada duit dalam anggaran tahun ini berkenaan dengan menyusun atau menghantar ra'ayat kita dalam jangka atau susunan yang kita rasa sangat chukop dengan chara itu maka patut-lah di-beri pujian yang tinggi di-samping itu tentu banyak agak-nya wakil² Kerajaan yang akan pergi ka-luar negeri dalam tahun 1961 ini dan ta' ketinggalan juga ra'ayat di-kampong yang bertanggong jawab menjadi pemimpin² kechil pergi berjalan ka-luar negeri sambil memerhatikan dan mempelajari hal² luar negeri. Pada fikiran saya dalam masa pembangunan ini bukan-lah setakat orang² di-atas sahaja atau orang² yang pernah senang dapat pergi keluar negeri di-samping dapat memberi jasa baik atau bakti kapada tanah ayer bahkan pemimpin² kechil ini juga saya rasa patut juga di-beri peluang berhubong dengan lawatan ini dengan jalan apa sekali pun agar dapat melihat keadaan di-mana² sahaja yang di-fikirkan baik saperti mana yang di-sebutkan dalam sub-head 21 ini.

**Che' Khadijah binti Mohd. Sidik:** Tuan Yang di-Pertua, telah banyak saya mendengar dari pehak Ahli² Yang Berhormat yang telah berchakap tadi berhubong dengan Study Tours ini tidak ada sa-orang pun yang menyebutkan tentang kaum wanita. Saya faham dalam perkara ini yang mana kebanyakan-nya peluang itu di-beri hanya kapada pehak kaum laki² sahaja maka alang-kah bagus-nya kalau dari pehak Kerajaan juga mengambil perhatian supaya sa-imbang perjalanan kemajuan wanita dalam Persekutuan Tanah Melayu ini, jangan-lah hanya sa-belah sayap sahaja bergerak kuat dan bagitu juga hendak-lah mengambil perhatian untok menghantar . . . . . .

**Enche' Abdul Ghani bin Ishak:** Untok penerangan sedikit, Tuan Yang di-Pertua, berhubong dengan Study Tours ini bila di-sebutkan ra'ayat berma'ana termasok-lah perempuan.

**Mr. Speaker:** Nanti dahulu!

**Che' Khadijah binti Mohd. Sidik:** Saya ta' mahu beri jalan, Tuan Yang di-Pertua, dan dengan yang demikian supaya Kerajaan, juga menghantar pemimpin² wanita kita dari tiap² negeri bagi melawat ka-luar negeri untok meninjau atau melihat kemajuan dan pendidekan yang telah di-jalankan oleh sa-suatu negeri itu, dan dengan yang demikian dapat di-bandingkan dengan kemajuan pendidekan wanita dalam negeri kita ini.

Kedua, dalam soal kemajuan per-usahaan yang di-lakukan oleh wanita² di-luar negeri dan juga sechara usaha yang lain. Semua-nya ini akan membawa kebaikan dan kebagusan bagi kemajuan dalam negeri ini. Jangan-lah hendak-nya sa-bagai yang telah saya dengar dari pehak Menteri kita pada masa yang lalu hanya kaum wanita itu perlu di-bawa ka-luar negeri bila masa hendak *ber-bulan madu* sahaja. Oleh yang demikian saya minta supaya wanita² kita di-suroh ka-luar melihat kemajuan di-luar negeri supaya mereka itu apabila ka-luar hendak-lah benar² menyuborkan dalam negeri ini agar kaum wanita di-Tanah Melayu ini tidak kalah jika di-banding-kan dari wanita² luar negeri.

**Datin Fatimah binti Haji Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara Study Tours ini sesunggoh-nya saya tidak hendak mengambil peluang ber-chakap di-sini, oleh kerana saya telah bertanya terlebeh dahulu kapada yang bertanggong jawab yang mengatakan bahawa Study Tours ini ada-lah juga di-beri peluang kapada kaum ibu dan saya juga mendapat tahu bahawa Study Tours ini . . . . . .

**Mr. Speaker:** Nanti dahulu! Saya sudah chakapkan kelmarin, kalau sa-saorang itu bangun sabar dahulu jangan berchakap. Sekarang saya hendak ber-tanya kapada-nya sama ada on a point of order, atau on a point of explanation.

**Che' Khadijah binti Mohd. Sidik:** On a point of explanation.

**Mr. Speaker:** Saya hendak bertanya di-sabelah sana, ada-kah hendak beri jalan atau tidak?

**Datin Fatimah binti Haji Hashim:** Tidak.

**Mr. Speaker** (*kapada Che' Khadijah*): Ta' boleh. (*Ketawa*).

**Datin Fatimah binti Haji Hashim:** Kerana maksud dalam perkara ini sa-bagaimana yang di-katakan oleh rakan saya tadi bahawa Study Tours ini kapada ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu yang berma'ana-lah terdiri dari kaum laki² dan perempuan. Dan juga saya tahu semua Ahli Yang Berhormat yang dudok di-sini bukan-lah untok dudok dalam Parlimen ini mewakili jenis, terima kaseh.

**Tuan Syed Esa bin Alwee:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bandingkan dengan estimates tahun 1960-1961 maka kita dapati perbedzaan-nya hanya $220,000 lebeh kurang. Sa-bagaimana yang di-nyatakan oleh wakil Dato Kramat tadi bahawa Security and Intelligence dan anti-Corruption Agency ini di-masokkan dalam perkara lain, tetapi dengan tambahan wang yang banyak ini tentu-lah dapat kita ketahui dengan jelas-nya. Saya suka menyatakan kapada-nya satu persatu dalam perkara ini supaya ada dalam ma'loman-nya.

Pertama dalam perkara Personal Emoluments dari item 1 sampai 32 yang mana perbedzaan sa-banyak $200,986. Ini sememang berlaku pada tiap² tahun, kerana tambahan gaji kapada pegawai² yang berkenaan dan saya nampak perkara ini banyak sedikit termasok perbelanjaan sa-banyak $36,000 gaji Deputy Prime Minister yang mana termasok dalam jabatan ini. Bagitu juga dalam item 27—Entertainment Allowance sa-banyak $34,800. Jadi bila di-champor semua-nya berjumlah $200,986 banyak-nya daripada tahun yang lalu.

Kedua, item 43 sampai 50 perbedzaan-nya hanya lebeh $2,386 sahaja dengan tambahan gaji sa-orang saperti biasa. Muka 27—Government Accommoda-tion Office lebeh hanya $13,435 dengan bertambah sa-orang stenographer $3,036 dan lain² lagi. Fasal 29 ini ada berlebeh sa-banyak $31,575 ya'ani lebeh daripada estimates tahun 1960 dengan sebab ada

peruntokan tambahan Annual Quran Competition sa-banyak $27,500 yang mana tidak ada peruntokan di-khaskan dalam tahun 1960. Bagitu juga dalam perkara Merdeka Anniversary Celebration sa-banyak $27,000 dan Study Tours itu di-kurang sedikit daripada $1,000,000 kapada $900,000. Dalam perkara Subventions berjumlah sa-banyak $307,100 di-mana ada berlebeh sa-banyak $207,110 ya'ani lebeh daripada tahun 1960. Jadi kalau kita champorkan semua-nya tahun 1960-1961 yang berma'na kita dapati hanya lebeh kurang $220,000 ia-itu lebeh daripada yang patut. Pada faham saya jumlah yang sa-banyak itu di-untokkan dalam estimates bagi sa-buah negeri tidak-lah boleh di-katakan jumlah besar.

**Enche' Zulkiflee bin Muhammad:** Tuan Yang di-Pertua, dalam bahagian Perdana Menteri ini, saya hendak bertanya lebeh banyak daripada berchakap. Yang pertama, Economic Division. Saya amat hairan di-ketika negeri ini berkehendakkan perkembangan ekonomi, maka Economic Adviser yang dahulu-nya di-untokkan sa-banyak $27,240 telah di-tiadakan belanja-nya; ganti-nya ia-lah Principal Assistant yang di-untokkan belanja-nya sa-banyak $17,880. Ada-kah ini berma'ana bahawa Kerajaan memandang Economic Division ini satu bahagian yang tidak bagitu mustahak, dan dengan yang demikian di-kurangkan keahlian atau kelayakan orang² yang menjadi pegawai saperti dalam Economic Division ini? Pada fikiran saya, Tuan Yang di-Pertua, ada sebab-nya ia-itu Economic Advisor yang dahulu itu pegawai expatriate, dan sekarang ini apabila ia berhenti, maka tidak di-gantikan oleh sa-siapa. Oleh itu, pada fikiran saya elok benar kalau boleh Kerajaan menimbangkan supaya Economic Advisor ini di-lantek sa-mula, dan Principal Assistant Secretary yang ada sekarang ini di-tukar supaya sesuai dengan perkembangan ekonomi dalam negeri ini.

Saya juga minta kapada Kerajaan memerhatikan berkenaan dengan Sub-head 25. Grants to Sports, Cultural and Muslim Organisations. Saya tidak berhajat sangat tahu di-sini kapada siapa Grants itu hendak di-beri, tetapi saya minta sangat supaya Kerajaan jangan memberi langsong (Grants) kapada sa-barang badan kebudayaan (culture) yang tujuan-nya berlawanan dengan perkembangan kebudayaan kebangsaan dalam negeri ini. Sebab, sa-kira-nya ini di-lakukan, maka ia akan merobohkan dengan sendiri-nya tujuan yang besar bagi perkembangan kebudayaan yang berasal dan yang tumboh dalam negeri ini. Tuan Yang di-Pertua, badan kebudayaan (culture) ada-lah badan² yang bekerja dengan kuat yang masing² dengan tujuan-nya. Jikalau sa-kira-nya Kementerian ini tidak berhati²; akan terberi-lah kita bantuan kapada badan yang akan merosakkan perkembangan kebudayaan negeri ini.

**Che' Khadijah binti Mohamed Sidek:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap pada muka 21 Sub-head 5. Dalam hal ini saya akan berchakap sa-bagaimana rakan saya tadi ia-itu Ahli Yang Berhormat dari Seberang Tengah, ia-itu elaun mendaftar itu di-beri hanya kapada pegawai Kerajaan. Alang-kah bagus-nya, jikalau sa-kira-nya orang² yang mendaftar dari sa-rumah ka-sarumah itu terdiri daripada kaum ibu walau daripada parti apa sa-kali pun kalau elaun itu di-beri kapada mereka ini, barangkali mereka akan mendaftarkan dengan berlipat ganda lagi daripada yang di-lakukan sekarang ini, kerana pada biasa-nya kaum ibu itu rajin bekerja, Tuan Yang di-Pertua, walau daripada mana parti sa-kali pun, mereka itu bekerja dengan chara sukarela, tetapi kalau di-beri elaun kapada kaum ibu sa-bagaimana yang tertulis sa-banyak $157,000 ini, barangkali kerja kaum ibu itu akan lebeh berlipat ganda dan akan mengeluarkan hasil yang banyak.

**Datin Fatimah binti Haji Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap berkenaan dengan Sub-head 21. Saperti mana Ahli² Yang Berhormat semua tahu ia-itu saya di-dalam Dewan ini tidak pernah membangga²kan diri sa-bagai penjuang wanita, melainkan Ahli Yang Berhormat itu sendiri mengaku sa-bagai penjuang wanita. Sa-tahu saya wakil yang dudok di-sini tidak-lah mewakili jenis . . . .

**Che' Khadijah binti Mohamed Sidek:** Tuan Yang di-Pertua, On a point of Order . . .

**Datin Fatimah binti Haji Hashim:** ......dan saya bersetuju terlebeh dahulu........

**Mr. Speaker:** Apabila on a point of Order, hendak-lah dudok.

**Che' Khadijah binti Mohd. Sidek:** . . . 36 (1) Saya hendak bertanya dalam Sub-head dan Item mana Ahli Yang Berhormat itu berchakap.

**Mr. Speaker:** Itu bukan on a point of Order (*Ketawa*). Tolong jangan jadikan perbahathan di-antara dua pehak ini. Proceed.

**Datin Fatimah binti Haji Hashim:** . . . kerana kami di-sabelah sini ada mempunyaï Menteri. Saya sa-bagai wakil ra'ayat tidak mahu membawa permohonan dengan melulu sahaja. Sa-belum kami datang membentang apa² dalam Dewan ini yang mana saya sa-orang daripada-nya, dua hari dahulu saya telah bertanya kapada pehak yang berkenaan ada-kah perkara ini di-beri peluang kapada kaum ibu. Pehak yang berkenaan mengatakan perkara itu akan di-beri peluang sama kapada wanita yang mana kita tahu perkara itu belum di-ishtiharkan, lepas daripada ini tentu-lah Kementerian yang berkenaan akan mengistiharkan perkara itu (*Tepok*).

**Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah):** Tuan Yang di-Pertua, Sub-head 32 telah di-untokkan sa-banyak $25,000. Saya tidak tahu apa-kah yang hendak di-buat, barangkali ia-lah membeli kerusi. Saya hendak tahu, Tuan Yang di-Pertua, perkakas yang di-dalam rumah itu sudah tidak boleh di-gunakan lagi-kah sa-hingga kita terpaksa mem-beli atau pun memberi belanja-nya?

**Enche' Lim Kean Siew:** Mr. Speaker, Sir, I thank the Honourable Member from the opposite side for indicating the various items of increased expenditure, but I think he has misunderstood my point. My point was not so much to criticise or ask why there has been an increment of expenditure but to point out that in fact there has been an increment of expenditure and that it is true that there is an item—Merdeka Anniversary Celebration—on which $20,000 is spent. I have not even questioned whether that in fact was necessary or not or whether there has been misuse of funds. However, since this has been brought now, I think I must go now into the question of whether or not these funds ought to have been spent especially when the rubber market is showing a decline and it is quite probable that our export duties will bring in less revenue. Now let us start from the beginning.

On page 25, there are several items here which are new and which show an increment. Since it has been admitted that there are increments, I would like to ask why have these increments been necessary. For example, why do you want Special Representative, Super-numerary Officer? That is the first question. Secondly under item (23), why has the pay of the Domestic Staff been increased from $6,984 to $9,252? Then we come to item (26). Why has the Syce Allowance been increased from $1,800 to $5,400? Then we come to item (32), Housing and Hotel Allowances. Why has this been increased from $14,000 to $22,398? We come down again to item (33)—another new post has been created for $17,880, and so on. So we go from page to page and we get all these increments slowly cutting into our revenue and slowly taking away the money of this country.

We come to page 27, item (57), Store-keeper C33—I do not know what is meant by "C33"; I suppose, perhaps, it means "Class 33"—$1,470. There was no provision for a Store-keeper last year. What is the necessity to have a Store-keeper this year? Has there been an increase in the losses from the Stores?

Then we come up again to item (64), Drivers. From $2,664 it has increased to $4,368. Why is it necessary? Well, I was saying that there had been incre-ments and that in fact we were spending more this year than last year. But I have been wrongly challenged as to my motive for pointing out these increments.

Now, we come again to page 28 under Other Charges Annually Re-current, Sub-head 2, Administration. This item has been increased from $48,550 to $60,900. Sub-head 3, Family Messes—there has been an increase from $58,000 to $64,644. What Family Messes? Then we come to Sub-head 6, Maintenance of Istana Tetamu, which has been increased from $38,479 to

$44,100. Has the Cost of Living been increased? If the Cost of Living has in fact been increased, then we must admit that the value of money is going down in Malaya and therefore we can reach the $1,000 million mark in revenue not because of anything but because of the depreciation in the value of money.

Then we come to Sub-head 7, Maintenance of Residences and Compounds, $29,340 while there is no provision in 1960. What Residences, and what Compounds? Do Residences need compounds and how big are the compounds? If the compounds are too big, can't we build two houses in one compound?

Then we come to Sub-head 12, Transport and Travelling, which has been increased from $43,000 to $47,500—another increase of $4,500.

Then under Dewan Tunku Abdul Rahman, Sub-head 14, same page, Administration, $11,560 has been increased to $16,665. Have the activities of the Tunku Abdul Rahman Hall been increased?

Then we come to Rumah Persekutuan, Singapore—it should have been "Singapura", but never mind about that—and under Sub-head 17, we have Maintenance of Grounds, Daily Rated Staff and Printing and Stationery. Under Maintenance of Grounds, we had a provision of $600 last year and this year we have $3,250. $3,250 divided by 12 comes up to nearly $300 a month. Of course, we have Daily Rated Staff and Printing and Stationery, the provision for which have not been shown here, but in the "Remarks" column it is stated, "Now provided under Sub-heads 17 and 16". When you total them up, what happens?

We come now to the question of page 29. We all know that, under the Constitution, funds in respect of religious matters must not be provided from the General Fund Account but from Specified Fund Account. This question of the Annual Quran Competition—$27,500—does it not come from the General Fund Account and is it constitutionally legal and correct to provide such funds? While I am not against Quran Competitions, I would like to know whether the provision of such funds from the General Fund Account is correct or wrong under the Constitution. Let us not make use of religious matters to bring about an emotional basis to support wrongful expenditure.

Then we have Merdeka Anniversary Celebration of $27,000. Is that necessary? That we don't know, because it just says $27,000. Then you say, "We have no money; we have to tighten our belts in order to have a better tomorrow". I would say this in reply to the Honourable the Minister of Finance: we should tighten our belts in order that we should tighten our belts for the tomorrow, if we are going to spend in this way.

Sir, I was pointing out the fact that there have been increments all the time. I was not even challenging the question of the rights and the wrongs of this expenditure.

And, of course, we have this question of Allowances for Experts provided under the United Nations Expanded Programme of Technical Assistance being increased from $70,000 to $90,000. Well, I don't know how the money has been spent on these experts and whether these experts are necessary to Malaya. What is the policy regarding the question of United Nations Expanded Programme of Technical Assistance? Have they been sent to the rural areas? Have the wells in Perlis been dug on the assistance and on the advice of these so-called Technical experts? Have they come to build our bridges? Have they come to build our roads? Have they come to build our kampong bridle paths? And what have they come for? Have they come to find out about our natural rubber in order to develop, for example, synthetic rubber plants in America? All these questions have not been answered.

On the question of Colombo Plan Technical Co-operation Scheme, Sub-head 27, we do not know up to now—there is no report, in fact—as to the success or otherwise of the Colombo Plan Technical Co-operation Scheme. Why does not the Government give us a report and show us what has happened to the trainees under this Scheme?

When they come back, have they been frustrated? Have they been given jobs, as they have been promised, or have they been tucked away in a private corner of some Ministries in order that some other persons may take their places who are less qualified?

Then we have, of course, Contribution to the Commonwealth Economic Committee—that I will leave out. But we have the Conversion of Family Messes, Bukit Bintang B Mess $33,000 not to be spent without Treasury approval. Have you ever gone to look at the Bukit Bintang Mess? Do you think that this question of $33,000 expenditure would ever be justified on those buildings in Bukit Bintang Road?

You see, Mr. Speaker, Sir, the point that I wish to draw is this: there have been increments of expenditure as well as increments of revenue and that therefore we should not merely say, because we have reached a thousand million dollar mark, that we should be happy, since there is general increment of expenditure all round. I was not trying to say at that time whether the increase was justified or not, but now I ask the Government to justify this increment of expenditure.

**Mr. Speaker:** The sitting is suspended to half-past-two this afternoon.

*Sitting suspended at 1.03 p.m.*

*Sitting resumed at 2.30 p.m.*

(Mr. Speaker *in the Chair*)

THE SUPPLY BILL, 1961

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr. Speaker *in the Chair*)

Resumption of debate on Question:

That the sum of $2,987,144 for Head 7 stand part of the schedule.

Question again proposed.

**Dato' Mohamed Hanifah bin Haji Abdul Ghani (Pasir Mas Hulu):** Tuan Yang di-Pertua, muka 25 sub-head 1, item (33) Economic Adviser. Jawatan ini, saya rasa, ada-lah sangat penting, sunggoh pun pada hari ini kita mempunyaï Rural Development tetapi kita maseh dalam peringkat permulaan dan sa-patut-nya kita mempunyaï satu Economic Adviser supaya dapat benar² memberi nasihat kapada Kerajaan kita dalam soal iktisad negara kita ini.

Saya memandangkan ia-itu sub-head 1, item (3) ini ada-lah satu jawatan yang tidak mustahak. Jadi, wang peruntokan $24,000 ini boleh di-masokkan kapada Economic Adviser, di-sini bukan-lah berma'ana negara² lain ada mempunyaï Menteri Penerangan dan Siaran Radio dan kita mesti juga mempunyaï Menteri Penerangan dan Siaran Radio. Tugas penerangan ini ada-lah tugas Perdana Menteri itu sendiri. Perdana Menteri patut-lah membuat polisi atau peratoran yang chukop yang di-jalankan oleh Director of Information sendiri ia-itu sa-orang pegawai yang bijak dan chekap.

Hari ini, Tuan Yang di-Pertua, banyak-lah penerangan² yang di-keluarkan oleh pehak di-sini atas tidak puas hati atau tugas yang di-jalankan oleh Menteri Penerangan dan Siaran Radio ini, sa-olah²-nya jawatan Menteri Penerangan ini ada-lah satu jawatan yang tugas-nya untok mengelirukan ra'ayat atau menghasut ra'ayat dan yang boleh menimbulkan pechah-belah di-antara ra'ayat dalam negeri ini. Kerajaan sendiri telah sedar ia-itu 8 atau 10 tahun dahulu di-mana pemberontakan komunis telah bermaharajalela dalam negeri ini dan wang dan jiwa yang bagitu banyak telah di-churahkan bagi memulehkan keamanan dalam negeri ini. Jadi, saya rasa tidak-lah bijak kita mengadakan jawatan ini, memadaï-lah dengan polisi yang di-buat dan di-ator dengan baik oleh Perdana Menteri itu untok di-jalankan oleh kaki-tangan Jabatan Penerangan dan Siaran Radio itu sendiri. Ta' tahu-lah saya kalau Perdana Menteri hendak mengekalkan jawatan Menteri ini supaya boleh menimbulkan kekachauan dalam negeri ini atau hendak mengikut chontoh dalam masa pemerentahan Nazi di-negeri German dahulu yang mempunyaï sa-orang Menteri Penerangan yang bernama Dr. Goebbel yang akhir-nya ia-nya telah membunoh diri apabila negeri German kalah dalam peperangan-nya. Jadi, rasa saya, Tuan Yang di-Pertua, jawatan ini tidak mustahak di-adakan, biar-lah wang yang di-untokkan itu di-pindahkan kapada item (33)

Economic Adviser yang kita berkehendakkan sangat2 untok pembangunan negara yang mustahak pada masa ini.

**Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahathan berhubong dengan Kepala 7 ini, kerana Dewan ini telah banyak mendengar berbagai2 serangan yang di-datangkan ka-atas diri saya sendiri dan juga ka-atas jawatan itu. Mendengar serangan2 dan kechaman2 yang hibat dari puak pembangkang itu saya tersenyum lebar dan seronok oleh kerana rupa2-nya saya-lah orang yang paling di-geroni dan di-takuti oleh Ahli2 Yang Berhormat (*Ketawa*). Dalam pada takut dan gerun mereka berlari sambil menjerit2 bersérta teriakan2 dan melonjak2. Maka itu-lah yang menjadikan saya senang hati melihat telatah puak pembangkang, yang mana ada dua atau tiga atau beberapa perkara yang telah di-sebutkan oleh Ahli2 Yang Berhormat yang berchakap tadi atas perkara jawatan Menteri Muda, yang mana kalau dibiarkan lepas dengan tidak bertegor neschaya akan mengelirukan orang ramai dan Ahli2 Yang Berhormat itu sendiri akan tenggelam dalam kekeliruan. Saya sa-bagai Menteri yang bertanggong jawab berkenaan dengan penerangan, tidak ingin membiarkan manusia2 itu tenggelam dalam kekeliruan.

Saya suka hendak memberitahu kapada Ahli2 Yang Berhormat terutama dari Parti PAS supaya mereka itu sedar, faham dan mengerti yang saya ini bukan pegawai Kerajaan, tetapi sebalek-nya ada-lah sa-orang politician dan sa-bagai politician saya ada-lah berhak berchakap di-atas perkara2 politik di-mana2 sahaja dan pada bila2 masa pun walau pada apa tempat sekali pun. Uchapan2 saya dalam kursus tata ra'ayat sunggoh pun saya sa-bagai sa-orang politician yang boleh menyentoh parti2 lain, tetapi sepanjang yang saya ingat tidak pernah saya menyebutkan dalam uchapan2 saya tetakala saya beruchap dalam kursus tata ra'ayat satu2 parti yang tertentu. Apa yang biasa saya sebutkan dan saya ingin hendak ulangkan lagi di-sini ia-itu menerangkan kapada Ahli2 yang mengambil bahagian dalam kursus tata ra'ayat berhubong dengan serangan2, tudohan2, tempelak dan kechaman2 yang biasa di-katakan atau di-keluarkan oleh parti2 di-luar Perikatan terhadap Kerajaan ini. Dengan ada-nya ini maka menjadi kewajipan saya untok mengelakkan orang ramai dalam negeri ini dari kekeliruan yang di-timbulkan oleh manusia2 yang tidak bertanggong jawab yang melimparkan tudohan yang bukan2 terhadap Kerajaan ia-itu dengan menerangkan kapada ra'ayat dan orang ramai tentang kedudokan yang sabenar-nya dari sa-suatu perkara itu . . .

**Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda:** Untok penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, ada-kah tidak Menteri Muda itu teringat yang ia pernah beruchap di-kursus tata ra'ayat di-Kadok, Kota Bharu, Kelantan? Di-antara uchapan-nya beliau mengatakan: Kasehan akan dia—ra'ayat negeri Kelantan, kerana PAS menang di-negeri itu!

**Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar:** Telah saya katakan, Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang saya ingat tidak pernah saya menyebutkan sa-suatu parti itu. Chuma saya menyebutkan bidasan2 dan tudohan2 daripada parti2 pembangkang sambil saya menyebutkan atau menerangkan kedudokan yang sa-benar-nya.

Berchakap berkenaan hendak memechah-belahkan, menghasut dan sa-bagai-nya, maka kalau saya dibenarkan oleh Tuan Pengerusi membongkarkan balek sejarah uchapan pemimpin2 parti siasah di-negeri ini khas-nya dari Parti PAS yang ada dalam Dewan ini neschaya saya akan mengambil satu bulan lama-nya untok menerangkan bagaimana ahli2 PAS telah menggunakan ugama untok memechah-belahkan perpaduan ra'ayat negeri ini (*Tepok*).

**Mr. Speaker:** Ta' payah ulangkan lagi!

**Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar:** Saya ta' hendak mengulangkan perkara itu. Di-sini nampak-nya Ahli2 Parti PAS itu melimpar—sembunyikan tangan, sendiri yang buat, sendiri yang mengadu. Apa yang biasa saya uchapkan di-kursus tata ra'ayat yang di-adakan di-mana2 tempat dalam Persekutuan Tanah Melayu ini ia-lah hendak memberi kesadaran kapada ra'ayat akan

tanggongan dan kewajipan mereka terhadap negara di-samping membentok dan membina jiwa baharu untok menghadapi zaman baharu yang hendak di-chiptakan oleh Kerajaan Perikatan melaluï Ranchangan Pembangunan Luar Bandar.

Dalam uchapan² yang pedas tadi yang telah di-hala dan di-tujukan terhadap diri saya sa-hingga ada orang mengatakan yang saya ini ta' layak hatta mendapat $10 untok menjalankan tugas ini. Memang betul, Tuan Yang di-Pertua, kalau mereka memerentah saya ta' akan ada di-tempat ini, bukan $10 sahaja yang saya tidak patut di-bayar, malahan hatta satu sen pun, tetapi saya dudok di-sini ia-lah sa-bagai salah sa-orang anggota daripada Parti Perikatan dan saya akan dudok di-sini selama Perikatan ada (*Tepok*). Biar mereka tahu dan sedar akan keadaan ini dan siapa yang hendak bengkak, bengkak-lah! (*Ketawa*).

Ahli Yang Berhormat dari Ipoh telah menudoh saya sa-bagai *dictator* dan ini bukan kali yang pertama dia mengatakan saya dan Kerajaan Perikatan sa-bagai *dictator*. Dahulu Ahli Yang Berhormat itu menudoh Kerajaan ini *dictator*, dan saya telah memberi jawapan kapada-nya menyatakan bahawa kalau Kerajaan ini *dictator* tentu dia ta' ada rupa dudok dalam Dewan ini, barangkali entah kepala atau tangan-nya kemana akan terbang!

Tudohan² telah di-bangkitkan sa-mula berhubong dengan Kerajaan Nazi di-negeri ini yang di-datangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parti PAS. Maka kalau benar ada Kerajaan Nazi dalam negeri ini, ta' tahu-lah apa yang akan jadi, tetapi nasib mereka baik kerana mendapat Kerajaan Perikatan yang bertanggong jawab dengan chukop 'adil melayankan parti² seteru-nya yang mana kadang² chukop ganas (*Ketawa*).

**Mr. Speaker:** Suara itu perlahankan sedikit! (*Ketawa*).

**Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar:** Ta' ada ubat-nya, Tuan Yang di-Pertua, (*Ketawa*). Sekali lagi Ahli Yang Berhormat dari Ipoh telah menyebutkan berkenaan dengan kebebasan akhbar. Dia membachakan dalam akhbar *Straits Times* uchapan saya semalam. Dalam report yang di-buat oleh *Straits Times* itu ada satu potong ayat yang mana itu-lah yang menjadi modal Ahli dari Ipoh itu. Kata-nya:

"He would not allow the Press to create disharmony among the different races by using the Rahman Talib Education Report as an excuse".

Jadi ini terjemahan atau ambilan yang di-buat oleh *Straits Times* dengan silap, barangkali, Tuan yang di-Pertua sendiri sedar sa-malam yang saya berulang² mengatakan bahawa Kerajaan tidak akan berdiam diri melihat kebebasan itu di-salah gunakan sa-hingga boleh membangkitkan perpechahan di-kalangan ra'ayat negeri ini. Sudahlah *Straits Times* merepotkan perkara ini salah, dan Ahli Yang Berhormat itu sendiri sa-telah menyerang Kerajaan, ia tidak ada "courtesy" hendak mendengar jawapan Kerajaan kapada uchapan-nya dalam Dewan ini; kalau ia ada di-Majlis ini sa-malam, barangkali ia tidak terletak dalam kesalahan dan kekeliruan ini.

Berkenaan dengan soal kebebasan surat khabar ini, saya tidak akan mengulang apa yang telah saya chakapkan sa-malam. Tetapi saya ingin hendak memberi tahu Ahli Yang Berhormat dari Ipoh ia-itu kami di-sabelah sini tidak mahu menunjokkan diri sa-bagai mengampu² surat khabar, kerana tujuan kami sa-bagai pemimpin yang bertanggong jawab ia-lah hendak memimpin ra'ayat negeri ini dan anggota² ra'ayat yang ada dalam masharakat negeri ini. Sa-kira-nya kita melihat sa-buah surat khabar itu menyempang daripada jalan yang betul, daripada jalan yang lurus, maka tanggongan dan kewajipan kami ia-lah menasihat dan menunjokkan jalan yang baik yang boleh menjamin keselamatan bagi semua orang dan perpaduan ra'ayat dalam negeri ini. Kami di-sini tidak mahu hendak menunjok diri sa-bagai "hero" hendak mempertahankan kebebasan surat khabar. Tetapi kita tahu, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Ipoh adalah sa-besar² "dictator", dalam parti-nya orang tidak tahan dudok ia-lah fasal tidak tahan "dictatorship", adek-beradek itu. Tuan Yang di-Pertua, saya fikir saya tidak hendak mengambil masa yang panjang, saya akan menunggu orang di-sabelah sana dalam Kepala 8

dan 10 apakala perkara itu di-bentangkan dalam Dewan ini (*Ketawa*) dan sementara ini saya beri peluang kapada Ahli² Yang Berhormat yang hendak berchakap, terima kaseh (*Tepok*).

**The Deputy Prime Minister (Tun Abdul Razak):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak menjawab satu dua perkara yang di-datangkan oleh pehak pembangkang yang mana nampak-nya banyak memberi pandangan-nya berkenaan dengan Item 3 yang telah di-jawab oleh Menteri Muda sendiri. Akan tetapi saya suka menasihatkan pehak pembangkang, kalau tidak suka jawatan Assistant Minister of Information and Broadcasting ini tunggu-lah pada masa mereka memerentah kelak (*Tepok*) bagi pehak Perikatan akan terus memakai jawatan ini sampai bila² masa pun. Berkenaan dengan Economic Division, saya suka terangkan bahawa jawatan yang ada di-sini ia-lah bagi sementara sahaja, pehak Kerajaan sekarang ini sedang menyemak kedudokan Economic Division ini, kerana dengan ada-nya Ranchangan Kemajuan Lima Tahun Kerajaan Persekutuan, terutama sa-kali Ranchangan Pembangunan Luar Bandar tentu-lah mustahak di-adakan satu badan atau Economic Secretariat yang lebeh sesuai dengan kehendak² ranchangan kemajuan itu. Jadi jawatan Economic Adviser itu memang tidak di-isi pada masa ini, kerana menunggu ranchangan yang Kerajaan hendak jalankan, dan apabila perkara itu telah di-tentukan akan di-beri tahu kapada Dewan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh ada memberi pandangan berkenaan dengan Government Hospitality Fund. Saya suka terangkan bahawa pehak Kerajaan tidak-lah hendak membelanjakan wang itu dengan sia² atau pun membuang sahaja, akan tetapi apabila Kerajaan memberi jamuan atau pun menerima tetamu agong dari luar negeri, terpaksa-lah Kerajaan mengadakan sambutan yang bersesuaian dengan keadaan negeri kita ini. Persekutuan Tanah Melayu pada masa ini mempunyai nama yang sangat baik diseluroh dunia, dan banyak tetamu agong yang suka datang melawat Tanah Melayu ini, dan kalau kita menerima tetamu agong itu mustahak-lah kita menerima mereka itu dengan keadaan yang sempurna supaya nama baik kita itu berkekalan.

Sir, the Honourable Member for Tanjong commented on the number of appointments under Head 7: one of them is the Principal Assistant Secretary, Superscale H. I should like to explain that this is a new appointment created in order to meet the increasing amount of work in the Prime Minister's Department to deal with receptions, functions and ceremonials. With independence it is found that there are numerous ceremonials that we ought to have and also official functions and other things, and it is necessary to create a special new post in order to cope with the work.

The Honourable Member also commented on subhead 27, Entertainment Allowance. I should like to explain to this House that Ministers and Assistant Ministers can only draw allowances in accordance with the Ministers (Remuneration) Bill and also the Assistant Ministers (Remuneration) Bill, as approved by this House. Under the Constitution of this country, Ministers and Assistant Ministers cannot draw any other allowance except those approved under these Bills which were approved by this House. So, therefore, there is nothing new in this entertainment allowance. The rate is in accordance with that approved by this House.

Sir, the Honourable Member also raised the question of maintaining the Residency, that is, furnishing the Residency. I should like to explain that the Residency has not actually been refurnished since the Prime Minister occupied that residence five years ago and it is necessary to maintain the Residency in a proper manner befitting the position and prestige of the Prime Minister as Head of the Government. The Prime Minister has to do a lot of entertainment and has to receive foreign dignitaries, and it is necessary that he should have a residence befitting his position and his prestige. And I should like also to explain that there are a lot of materials in the Residency which are more than 10 years old which have to be replaced, and I can assure the House that this provision is absolutely

necessary. Many of us had wanted that the amount should be larger, because we do feel that the residence of the Prime Minister should be properly maintained and furnished and should be a place, as I said, befitting the position and prestige of the Prime Minister. So, Sir, this amount of $25,000 entered in the Estimates is considered very modest indeed as this residence has not been re-furnished for a number of years.

**The Prime Minister:** Mr. Speaker, Sir, there has been a lot of comments made with regard to Head 7, and it was suggested by one Honourable Member that I should have introduced this Head. But before I had the opportunity to do so, the turn was taken by an Honourable Member of the Opposition and so I let it go. However, the fact remains that the debate has taken more time with regard to the Prime Minister's Department than it had in previous years. Last year, the whole of this debate on the Prime Minister's Department ended in half an hour, but this year it has gone a little bit longer. There has been an increase in the expenditure for this Department and so there has been increase in the comments. However, if the Honourable Members will study all these increases, they will see that these increases are necessary. They will also see, from the various items indicated here, that nothing that has been put in there is redundant. They are in keeping with the progress of this Government and the progress of this Department. When you travel outside and see the expenditure under that same Prime Minister's Ministry, you will see that the number of officers, even in a small country like Australia, is double that of ours. And we being a newly independent nation, have not had enough time to bring the Department quite to that scale. However, we are slowly doing it. It will be found that next year the expenditure will still be increased as the work of this Department increases.

Now, there is a combination of two maintenance items under Subhead 13 of the 1961 Estimates which were under Subheads 9 and 10 in the previous year's estimates. The main expenditure is on the wages of labourers required to maintain not only the Residency compound but also the office compound. You will appreciate that since independence there have been all these offices built within the compound of the Prime Minister's Residency. There are the Prime Minister's own Department, the Ministry of Defence, the Economic Secretariat and the Ministry of Internal Security. All these have had to be maintained under Subheads 9 and 10 of 1960 Estimates, because they all happen to be in Brockman Road. It also includes an element for the maintenance of air-conditioning and furniture.

The Honourable Member for Dato Kramat commented on the increase in total expenditure. There certainly has been an increase, but the Honourable Member has disregarded the fact that over $200,000 of this increase has been due to the straightforward transfers from other Heads and entries previously shown elsewhere. These are: Sub-head 1, item (2), $36,000 and item (27), $34,800; Sub-head 22, $6,000; Sub-head 23, $76,500; Sub-head 24, $30,600 and Sub-head 27, $19,500—making in all $203,400. Then there is the Lodge, Fraser's Hill—Sub-head 1, items (70) and (72) and Sub-head 11. In fact, there has been no increase in the cost of maintenance of the Lodge. Since it was taken over from the High Commissioner in the old days in 1957, it has been used not only by the Prime Minister—in fact, during the course of last year I had been there only for two days and I have not been there since—but also by other people, by the Rulers, by His Majesty the Yang di-Pertuan Agong, Heads of Missions, and so on. But it has to be maintained under the Head of the Prime Minister, although by no stretch of imagination can the Opposition think that I am the only one who makes use of it.

**Enche' Lim Kean Siew:** On a point of clarification, Mr. Speaker, Sir, if the Honourable the Prime Minister would give way.

**The Prime Minister:** Yes, Sir.

**Enche' Lim Kean Siew:** I have, in fact, worked out the figures roughly with regard to the transfers from other Departments, and they come to about $250,000. The increase shown here in

the Budget is $221,000, but there is another $500,000 which has been deducted, as I have suggested, by way of transfers away to other Departments, so that the total increase is actually over $500,000. Had I not given the deduction it would have been over $700,000.

**The Prime Minister:** Mr. Speaker, Sir, I am not a mathematician and I cannot argue with him, but I did say that certainly there was a great increase. I would also say that next year there will be more increases.

With regard to the Government Hospitality Fund, this is a figure which cannot be accurately estimated in advance. In anticipation of the increased hospitality in 1961 after the long periods spent in mourning in 1960, which led to the cancellation of several visits, the present figure has been made up, as I said, at the same level. Allowance has been made for a saving on the provision of liquor at State banquets. Well, that is what I understood that liquors cannot be served at State banquets. But at other places and at other times, there has been no motion by the Party Islam—but that is to be expected at any time! (*Laughter*).

**Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar:** They have no other business! (*Laughter*).

**The Prime Minister:** Now, with regard to the points raised about personal emoluments, that has been cleared by the Deputy Prime Minister. The other point that was raised was about the Special Representative, Supernumerary Officer, Superscale F. I think it is understood that an officer is now doing the work as my Secretary for the purpose of implementing the South-East Asia Friendship and Economic Pact, which we now call ASAS. It is necessary to have one man to do the work and in order to enable him to do it properly, a senior officer has necessarily to be appointed so that he can keep up with the other officials in other countries. On this basis and as a result we have appointed Enche' Sopiee, and he is Superscale F.

Then there is the matter of the Principal Assistant Secretary, M.C.S., Superscale H—that has been cleared up by my Honourable colleague the Deputy Prime Minister. As there are ceremonies in this country, it is necessary for one man to do it, and that, I can assure Honourable Members, is the least we can do. In other countries, they have as many as ten men to do this ceremonial work, but here out of regard for our revenue we have only one and that one man has to work well beyond his normal times.

Maintenance of Residences and Compounds—I have cleared it just now.

Study Tours—In regard to study tours, we have not been able to use the money, because the Committee has been sitting and trying to put up a plan on how this money is to be used and who are to get the benefit from it. However, I can assure the Honourable Members that the intention of the Government is to pick people from all walks of life—from the common man, the kampong man, to the Member of the House of Representatives or Member of the Upper House. So far, there has been no application from any Member of this House. It was not quite correct to suggest that the Honourable Member from Port Dickson had gone on tour at Government's expense.

**Mr. Speaker:** Does that include the Speaker? I remember I asked the same question last year.

**The Prime Minister:** I said, "No" but this year I am trying to say "Yes" (*Laughter*). Then there is also the Civics Course which is to enable leaders of representative groups to have an opportunity to learn about Government policy and Government work and also how money is being spent.

As regards the Annual Quran Competition, it has become more or less one of the most attractive items in a cultural show in this country. In fact, it has been acknowledged as such by Muslim countries outside Malaya and I think it has come to stay, and this year we have invited other countries to take part.

Grants to Sports, Cultural and Muslim Organisations—There has been a great many calls on this fund, so much so that we found that last year although we had voted $125,000 we had to spend a lot more than that and it was therefore

necessary to increase that amount. And that amount had been used for other purposes—for instance, it has been given out to various sports organisations such as the Malaya Amateur Basketball Association, the Olympic Sports Council, Hockey, Asian Badminton, Federation of Malaya Government Services Sports Council, Lawn Tennis, Malayan Cyclists Association, Federation of Malaya Amateur Athletic Union, Football Association of Malaya, Malayan Amateur Weightlifting Association, Cricket, Federation of Malaya Boxing Association, Association of Aero Clubs, Federation of Malaya Schools Sports Council, Badminton Association of Malaya and Malayan Table Tennis Association, and so on; it also includes grants to students abroad to encourage them to carry on with Malayan culture while they are abroad so that they will be constantly kept in touch with culture at home; it has also been used for providing entertainments. In short, to encourage culture in this country that money was not enough and, therefore, it is necessary to increase it to $200,000.

There was also comment on Conversion of Family Messes at Bukit Bintang. The policy of Government today is to convert all these family messes into self-contained units by providing cooking facilities and by making them more homely so that Asian or Malayan officers can stay there for a long period while they are waiting to get their quarters. In the past, there has been a common dining room, but today the Asian or Malayan families prefer to cook themselves and it is necessary to spend all this money to build kitchens in each one of these family messes.

The question was raised about Contributions to United Nations Expanded Programme of Technical Assistance Fund, $76,500—Sub-head 23. The United Nations Expanded Programme of Technical Assistance, established in 1950, is a programme whereby the United Nations and its specialist agencies provide technical assistance to under-developed member States. The programme is financed from a multinational fund made up of monetary contributions by member Governments. The annual contribution by the Federation Government this year and in previous years since independence has been $20,000 (U.S.). The Executive Chairman of the United Nations Technical Assistance Board, that is the body responsible for administering the programme, has requested member Governments to increase their contribution, in order to enable the programme to accommodate urgent requests for technical assistance from countries which come into independent nationhood without prejudicing assistance to other countries. In response to this request the Federation Government has pledged to the Programme a contribution of $25,000 (U.S.) which is an increase of $5,000 (U.S.) for the year commencing 1-1-1961. That, Sir, accounts for the increase.

Sir, the benefits which have been derived by the Federation Government from the assistance, provided under the Expanded Programme, far outweighs the financial obligations of the Federation Government to the United Nations. It is expected that in 1961 the cost to be incurred by the United Nations in providing technical assistance in the form of experts and Fellowships for Malayan personnel will amount to $750,000 in return for a contribution of $75,000. I think that is money well spent.

I think I have explained most of the questions which I have been asked, or if I have not the Deputy Prime Minister has.

The Honourable Member for Dato Kramat has asked certain questions about the additional Head Boy and Pantry Boy. It is necessary to maintain a proper standard. The Syces' Allowance covers the Deputy Prime Minister as well as the Prime Minister and the Permanent Secretary. The 1960 provision for Housing and Hotel Allowances was insufficient and, therefore, it is necessary to increase it. The staff of the Government Accommodation Officer, it is necessary to increase it in view of increased hospitality, and stores will not be well kept unless we have a Storekeeper; therefore it is necessary to employ a Storekeeper. Drivers include the driver of the new car for State guests whom we have appointed in 1960. The cost of administration has increased with regard to Tunku Abdul Rahman

Hall. As regards Rumah Persekutuan, the standard of maintenance in the past has been inadequate and as a result it is necessary to improve it by the items under "Maintenance of Rumah Persekutuan, Singapore".

Now, the other sad thing is that there have been questions raised about Merdeka Anniversary Celebration. As far as I know, as this country has achieved independence, we always make it a big occasion on that day. Even in America today where they have had their independence for many, many years—very many years earlier than we—July the 4th, if I am not mistaken, is a big day in America, and no question on the amount of money spent on that has been raised. Therefore, in the case of Malaya, I am sorry to hear that such criticism has been directed against this particular provision in our Estimates. In fact, I was hoping that the Opposition might ask that this amount be increased.

**Enche' Lim Kean Siew:** On a point of clarification, Mr. Speaker, Sir, there was no criticism of the $27,000. The $27,000 item was brought up to show that this added on to the expenditure and the Government was asked to justify the need or otherwise of this total increase. I think it was not against Merdeka Anniversary Celebrations.

**The Prime Minister:** Thank you. I am glad to hear that. (*Laughter*). That is all I have to say.

**Che' Khadijah binti Mohd. Sidek:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mendapat jawapan dari Perdana Menteri tentang uchapan saya berhubong dengan soal wanita. Jangan-lah hendak-nya pehak Menteri itu kalau hendak jawab di-tujukan kapada wakil Jitra-Padang Terap sahaja, tetapi saya juga ingin mendapat jawapan daripada-nya.

**The Prime Minister:** Yang sa-benarnya saya sudah terangkan bahawa perbelanjaan itu bukan kapada kaum ibu sahaja, malah kalau Ahli Yang Berhormat itu mahu sila-lah hantarkan nama-nya. (*Ketawa*).

Question put, and agreed to.

The sum of $2,987,144 for Head 7 ordered to stand part of the Schedule.

*Head 8—*

**Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar:** Tuan Pengerusi, tujuan Kerajaan ia-lah hendak membesarkan dan memperelokan serta memperkemaskan perkhidmatan Siaran Radio dalam negeri kita ini sa-hingga dapat setanding dengan perkhidmatan radio di-mana² negeri juga dalam kawasan ini. Bagi menchapai tujuan ini Kerajaan berchadang pertama hendak mengambil langkah supaya semua tempat² yang ramai pendudok-nya dapat di-liputi oleh Siaran Radio melalui gelombang sederhana.

Kedua, mengadakan siaran yang tiada atau ta' berhenti langsong daripada pagi sa-hingga jauh malam.

Ketiga, hendak mengadakan perkhidmatan yang lebeh lengkap dan sempurna bagi menyiarkan berita, hiboran, pelajaran dan pendidekan serta penerangan dalam hal ehwal tanah ayer kita sendiri yang akan di-utamakan.

Tujuan hendak memperelok, memperkemas dan memperbesarkan perkhidmatan Siaran Radio ini tentu-lah tidak dapat di-buat dengan serta merta melainkan terpaksa-lah mengambil masa yang sedikit panjang untok menchapai tujuan dan chita² Kerajaan itu. Sa-belom merdeka dahulu dasar dan ranchangan Jabatan Siaran Radio semua-nya di-kelolakan dari pejabat-nya di-Singapura. Warta berita pun di-sunting dan di-hebahkan dari Singapura dan kebanyakan pegawai² kanan yang mempunyai pengalaman ada-lah bekerja di-sana. Dalam masa dua tahun yang lepas ini Jabatan Siaran Radio di-Persekutuan ia-itu mengikut dasar Kerajaan telah beransor² membuat siaran-nya sendiri dari pusat Persekutuan Tanah Melayu sa-hingga-lah pada hari ini boleh di-katakan perkhidmatan Siaran Radio semua-nya di-jalankan dan di-tadbirkan daripada ibu kota Persekutuan Tanah Melayu ini, kechuali agak-nya sa-tengah² programme yang kita ambil dari Singapura ia-itu dalam bidang pertukaran programme di-antara Radio Persekutuan Tanah Melayu dengan Radio Singapura.

Dengan sebab peralehan dan pertukaran daripada Singapura ka-Kuala Lumpur itu maka pegawai² dalam Jabatan Siaran Radio telah bekerja

bersunggoh² dengan pengalaman-nya yang sedikit yang ada pada mereka itu untok menjadikan Jabatan Siaran Radio di-Kuala Lumpur ini tidak kurang daripada Jabatan² Siaran Radio yang ada di-Singapura yang telah mempunyaï pegawai² dan kaki-tangan yang mempunyaï pengalaman² yang banyak dan luas.

Tuan Yang di-Pertua, usaha hendak membesarkan jabatan ini ada-lah ber-kehendakkan wang, dan kebetulan dalam Kepala 8 ini perbelanjaan yang di-untokkan kerana Perkhidmatan Siaran Radio telah bertambah daripada peruntokan pada tahun yang lepas. Station² yang baharu yang terang siaran-nya ia-itu di-Pulau Pinang, Melaka, Kota Bharu dan lain² tempat berkehendakkan modal yang banyak, dan apabila semua station² ini men-jalankan tugas dan kerja-nya membuat siaran² itu, maka bertambah-lah pula belanja menjalankan-nya pada tiap² tahun. Jika di-teruskan siaran itu dari-pada pukul 6 pagi hingga tengah malam dan ini-lah yang menjadi tujuan yang kita berchadang hendak menchapai-nya, maka bertambah banyak-lah pula per-belanjaan yang akan di-keluarkan. Sunggoh pun pendapatan daripada lesen² radio telah beransor² banyak pada tiap² tahun, tetapi maseh tidak memadaï untok membayar lebeh daripada 60 peratus daripada perbelanjaan Jabatan Siaran Radio; ini tidak-lah termasok belanja untok memajukan jabatan ini.

Kerajaan telah membuat satu keputusan yang penting baharu² ini ia-itu hendak mengadakan Commercial Broadcasting dalam Jabatan Siaran Radio ini, dan siaran i'lan ini akan di-adakan dalam semua bahasa. Kita yakin bahawa apakala siaran per-dagangan ini di-mula dan di-jalankan, maka kita berharap hasil atau per-olehan yang dapat di-kutip daripada i'lan itu akan menjadi satu mata per-olehan yang boleh menolong Jabatan Siaran Radio ini berdiri atas kaki-nya sendiri. Dengan ada-nya siaran i'lan ini, maka dapat-lah di-adakan berbagai ranchangan yang lebeh banyak lagi untok menggalak dan memajukan seni dan kebudayaan dalam negeri ini. Berhubong dengan soal mengadakan siaran perniagaan ini, saya ingin hendak memberi jaminan kapada Dewan ini ia-itu Kerajaan akan menjaga sa-berapa yang boleh supaya masa untok siaran² yang lain ia-itu saperti siaran² warta berita, hiboran, pendidekan dan pene-rangan itu tidak akan terganggu dengan banyak-nya. Dan juga saya boleh memberi pengakuan kapada Dewan ini ia-itu perkara² yang berkaitan dengan ugama akan di-pelihara dalam mengada-kan siaran i'lan oleh Radio Malaya ini.

Pada tahun hadapan genap-lah usia Radio Malaya 21 tahun. Oleh itu telah kena-lah pada tempat-nya sa-masa genap usia-nya 21 tahun itu ia-itu baligh dari-pada segi perhitongan undang², maka Radio Malaya dan pegawai² Radio Malaya dalam masa ia menchapai umor-nya 21 tahun ini semua-nya akan di-pegang oleh anak negeri ini sendiri (*Tepok*); daripada tahun hadapan boleh di-katakan Jabatan Siaran Radio akan menjadi "Fully Malayanised" . . .

AN HONOURABLE MEMBER: Merdeka!

**Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar:** . . . dan memandang kapada per-kembangan² yang sedang berlaku dalam jabatan ini ia-itu dengan jalan mengada-kan siaran i'lan dan dengan jalan menambah masa untok siaran ia-itu daripada pagi hingga ka-larut malam, maka harus juga kita terpaksa meng-gunakan kemahiran² dan kepandaian² orang² daripada luar dengan jalan konterek sahaja atau pun dengan jalan Ranchangan Colombo.

Sa-perkara lagi yang saya rasa patut sebutkan di-sini ia-lah berhubong dengan Kepala 8 ia-itu chadangan hendak mengadakan radio orkes atau pancharagam bagi Radio Malaya. Sa-lama ini kita tidak mempunyaï satu pancharagam yang lengkap, tetapi dengan ada-nya peruntokan yang sadikit bagi pasokan pancharagam ini, kita berharap akan dapat membena dan membentok satu pancharagam yang akan menolong Radio Malaya dalam mengadakan banyak lagi lagu² yang berchorak dan yang berwarna Tanah Melayu ini. Sa-bagaimana saya biasa mendengar tegoran² yang mengatakan ia-itu banyak dalam siaran² Radio ini kita maseh lagi memakai atau meng-hebahkan lagu² dari luar negeri. Ini terpaksa di-buat ia-lah kerana meman-dangkan lagu² yang dapat di-gobal oleh

ahli$^2$ seni muzik kita dalam Tanah Melayu ini sangat kurang. Maka dengan ada-nya orkes atau Puspa Ragam Radio ini kita akan dapat meringankan perkara yang saya sebutkan itu. Lagi satu perkara yang ada dalam kepala atau pun tajok 8 ini ia-lah berkenaan dengan hendak menambahkan pemberita$^2$; tujuan-nya ia-lah hendak menjadikan bahagian warta berita Radio Malaya ini sa-bagai sa-buah bahagian yang lengkap dan kemas, dan dengan itu perlu-lah kita tambah kakitangan$^2$-nya dan pegawai$^2$-nya untok menjalankan tugas$^2$ yang di-kehendaki itu. Pada hari ini Radio Malaya tidak ada mempunyaï pemberita$^2$ luar, kechuali pemberita$^2$ yang dudok dalam kawasan Kuala Lumpur ini sahaja. Kita tidak ada mempunyaï pemberita$^2$ di-luar saperti di-Kelantan atau pun di-Johor dan sa-bagai-nya.

Maka dengan ada-nya chadangan hendak menambahkan pemberita$^2$ itu dari satu masa ka-satu masa dapat-lah kita melengkapkan bahagian warta berita dalam perkhidmatan Radio Malaya itu. Satu lagi perkara yang nampak nyata di-sini ia-itu tambahan belanja berkenaan dengan bayaran Talikom, itu-lah tambahan yang paling banyak sa-kali. Bayaran pada tahun yang sudah ia-lah sa-banyak $390 ribu dan pada hari ini Talikom telah berkehendakkan bayaran-nya sa-banyak satu juta 224 ribu ringgit. Ini memandangkan kerana perkhidmatan Radio Malaya telah bertambah jam dan masa perkhidmatan-nya itu tidak menjadi satu alasan yang kuat tetapi ia-lah Jabatan Talikom telah menaikkan sewa microwave V.F.F. itu. Ini-lah Tuan Yang di-Pertua yang dapat saya terangkan sementara ini dan jika ada ahli$^2$ Yang Berhormat berkehendakkan penjelasan yang lebeh lagi maka saya akan berikan nanti, terima kaseh.

**Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah)**: Tuan Yang di-Pertua, saya menguchapkan terima kaseh kapada Menteri Muda Penerangan. Di-dalam bentok hendak membaiki dan melengkapkan Radio Malaya kita ini ada-lah menjadikan satu perkara yang benar$^2$ berfaedah kapada negeri kita ini. Mudah$^2$an apa yang di-chakapkan itu akan dapat di-laksanakan bila sampai umor baligh-nya, 21 tahun. Berchakap berkenaan dengan hendak membaiki kedudokan siaran Radio Malaya, saya suka berchakap dalam sub-head 1 item 11 ia-itu "English Programme" muka 31, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat tentu-lah Malay Organisation ini telah mengator programme$^2$ yang akan di-siarkan oleh Radio Malaya itu sendiri.

Berkenaan dengan hendak melengkapkan dan memperbaiki Radio Malaya maka ada baik-nya Malay Programme Organiser itu memerhatikan dan mengkaji apa yang telah berlaku sa-tahun yang sudah sa-belum umor-nya baligh 21 tahun. Umor 20 tahun tentu-lah belum baligh, dan kalau belum baligh tentu-lah kita tidak dapat menikahkan-nya. Tetapi kalau sudah baligh sampai 21 tahun keadaan itu tetap berlaku, tentu-lah nanti akan timbul beberapa pertanyaan dalam Dewan ini. Jangan-lah nanti Menteri Muda Penerangan mengatakan kita hendak membangkang sa-mata$^2$. Satu perkara Tuan Yang di-Pertua, hendak saya kemukakan ia-lah berkenaan dengan lagu$^2$. Saya ikuti di-dalam tiap$^2$ bahagian bahawa tidak ada lagu$^2$ kita yang banyak untok hendak di-siarkan dalam siaran Radio, tetapi ada beberapa lagu yang dalam pendengaran saya luchah dan harap-lah kapada Menteri yang berkenaan dan pegawai yang berkenaan tidak-lah menyiarkan lagu$^2$ yang saperti itu sebab sudah menjadi permainan di-kampong$^2$. Bila$^2$ lagu yang tidak sesuai itu di-siarkan tentu-lah nanti akan menjatohkan moral kapada pemuda$^2$ kita yang belum sampai umor baligh-nya. Dalam menggubah lagu$^2$ saperti itu jangan-lah pula Radio Malaya kita ini menjadi satu daripada kakitangan kapada satu$^2$ perusahaan Capitalist dalam negeri ini atau pun perusahaan$^2$ film yang di-buat oleh saudagar$^2$ untok menchari keuntongan dalam negeri ini pada penarekan yang mungkin menjatohkan moral dan akhlak kita dan lain$^2$-nya.

Tuan Yang di-Pertua, rasa saya lama juga saya mendengar Radio Malaya ini terutama sa-kali di-masa Menteri Muda Penerangan tinggal di-sabelah rumah saya bahawa Radio-nya sangat kuat berbunyi, ada lawak$^2$ jenaka Tuan Yang di-Pertua, yang telah di-siarkan oleh Radio Malaya ada baik-nya sa-kali sa-kala kita mendengar-nya supaya

menggelikan hati kita. Tetapi ada lawak jenaka yang keterlaluan, sampai tidak tahan telinga kita mendengar-nya. Ini patut di-ambil perhatian oleh Malay Programme Organiser itu supaya di-sesuaikan siaran lawak jenaka itu sa-bagai negara yang telah merdeka.

Ada satu programme yang menjadi perhatian saya ia-itu "Kebun Pa' Awang". Pada asas-nya Kebun Pa' Awang ini tentu-lah baik dan berfaedah kerana di-dalam-nya itu ada pelajaran² yang boleh mendatangkan beberapa pengetahuan kapada pendengar². Tetapi dengan tidak di-sengaja atau di-sengaja sama ada di-sedari oleh Menteri Muda Penerangan atau tidak siaran Kebun Pa' Awang ini menjadi satu programme yang kadang² menghinakan. Sebab saya katakan demikian, di-dalam cherita Kebun Pa' Awang di-dapati sa-orang Pa' Lebai. Boleh jadi Menteri Muda Penerangan tidak sakit hati, waktu ini dia tidak lagi menjadi Pa' Lebai. Dahulu dia telah menjadi Pa' Lebai beberapa tahun (*Ketawa*).

**Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar:** Apa kena mengena dengan cherita Pa' Lebai itu.

**Mr. Speaker:** Saya fikir jangan-lah pergi ka-detail sangat.

**Enche' Othman bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta ma'af kalau saya menyebutkan di-mana perkara itu. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, Menteri Muda Penerangan dan Siaran Radio ini, dia ta' dengar barangkali siaran Kebun Pa' Awang. Di-dalam cherita Kebun Pa' Awang ini, ada orang pekak, ada Pa' Lebai di-dalam-nya tetapi Pa' Lebai itu selama-nya Pa' Lebai ini bodoh.... . . . ha . . . . . itu dia. (*Ketawa*). Jadi saya rasa, terkena juga kapada Menteri Muda Penerangan dan Siaran Radio ini—sakit hati-nya; waktu ini dia ta' jadi Pa' Lebai lagi tetapi dahulu dia jadi Pa' Lebai. (*Ketawa*). Lama juga dia jadi Pa' Lebai, Tuan Yang di-Pertua.

**Mr. Speaker:** Jadi-lah kesah Pa' Lebai itu (*Ketawa*).

**Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah):** Jadi, kesah Pa' Lebai ini, Tuan Yang di-Pertua, sudah-lah kawan ini Pa' Lebai, dia di-pandang bodoh pula di-dalam siaran ini tetapi chakap-nya, chakap Jawa. Ini, Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai suatu negara yang merdeka dan Jawa itu ada-lah terlengkong dalam kepulauan Indonesia yang merdeka. Dan juga Menteri Muda Penerangan itu berasal dari Indonesia. Kalau satu bangsa Indonesia, Jawa itu di-jadikan satu alat untok menjadi Pa' Lebai; kerana Pa' Lebai ada di-dalam siaran itu, saya minta-lah kapada Menteri Muda Yang Berhormat itu supaya chakap orang Jawa dan kebodohan orang Jawa dengan nama Pa' Lebai serta ketololan dia di-dalam cherita Kebun Pa' Awang ini, hendak-lah di-tiadakan langsong supaya jangan kita menyinggong perasaan orang lain dengan siaran itu. Saya rasa Menteri Muda itu tentu-lah bersetuju dengan shor saya ini.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, tentang Sendiwara Radio kerana kerap kali kita dengar Sendiwara Radio, patut-lah kita jangan tumpukan semata² kapada kesah² asmara sahaja. Biar-lah di-bawa cherita², kata Menteri Muda Penerangan dan Siaran Radio tadi kapada cherita² yang boleh membang-kitkan semangat kepahlawanan dan keseterian bagi satu bangsa yang merdeka dan tidak sahaja tergila² dengan asmara bagitu dan bagini. Jadi, rasa saya, Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara² yang patut di-ambil perhatian oleh Menteri Muda Penerangan ini waktu umor-nya 21 tahun untok ke-baikan-nya sendiri.

**Mr. Speaker:** Umor Siapa?

**Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah):** Umor Radio Malaya. Tuan Yang di-Pertua, berbalek saya kapada siaran Warta Berita. Rasa saya, Warta Berita yang di-siarkan; lain-lah pagi chuma ada tengah hari sa-kali, pukul 5.00 sa-kali, pukul 8.00 dan pukul 10.00 sa-kali. Masa-nya chuma 10 minit sahaja pada tiap² sa-kali di-adakan siaran Warta Berita. Dan kalau kita bagi dari-pada pukul 6.00 pagi sampai, kata Menteri Muda, larut malam, saya ta' tahu larut malam itu pukul berapa tetapi sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, pukul 11.00. Kalau di-timbang²-kan mana banyak faedah-nya Warta Berita dengan benda yang dapat di-terima atau di-dengar oleh pendengar-nya daripada hiboran. Maka terpenting-lah di-bahagian hiboran kerana lebeh

banyak daripada benda yang mendatangkan faedah kapada pendengar² kita. Sebab itu ada baik-nya kalau sa-kira-nya Warta Berita ini di-adakan pada tiap² jam mithal-nya, pukul 8.00 satu Warta Berita, pukul 9.00 Sari Warta Berita, pukul 10.00 Warta Berita Rengkas, pukul 11.00 Sari Warta Berita supaya tiap² kita ini dapat mengikuti Warta Berita tanah ayer kita, sesuai dengan chita² Menteri Muda Penerangan dan Siaran Radio yang hendak mengadakan Reporter²-nya atau Pemberita²-nya di-seluroh Persekutuan Tanah Melayu ini.

Ada pun berkaitan dengan Warta Berita ini, ada pula Juru Hebah-nya. Juru Hebah yang saya dengar dan saya perhatikan; saya mengikuti siaran Radio Malaya ini, sa-tengah-nya memuaskan hati dan sa-tengah-nya amat-lah mengechiwakan. Sebab, ada di-antara Juru Hebah² kita itu; tidak semua, Tuan Yang di-Pertua, yang nampak-nya membacha saperti anak² baharu membacha surat—belajar membacha, waktu menyiarkan Warta Berita. Dan banyak kali saya terdengar, General Abdul Haris Nasution itu, di-bacha dengan, General Abdul Haris Nasusun. Jadi, bagitu-lah gaya-nya dan banyak lagi kalimah² Melayu—bahasa Melayu yang sa-benar-nya tidak di-bacha dengan betul.

Malahan kalau orang ini dudok di-England mithal-nya, 4, 5 tahun, balek ka-Malaya dapat dia menjadi Juru Hebah Warta Berita Radio Malaya maka chakap-nya itu sudah serupa macham chakap orang puteh. Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, untok menjaga supaya bahasa kita ini tidak-lah menjadi satu bahasa yang berchampor adok gaya serta kedudokan-nya tidak-lah di-pandang rendah oleh masharakat maka hendak-lah Malay Programme Organiser memerhatikan, juga Menteri Muda Penerangan dan Siaran Radio memerhatikan, siapa-kah yang sa-benar-nya layak membacha Warta Berita itu supaya tidak memuak dan menjemukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu²-kan suatu maksud dan tujuan daripada Menteri Muda Penerangan dan Siaran Radio tentang hendak mengadakan satu Orchestra yang ada di-sini di-bawah Item (52)—Radio Orchestra. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya teringat kata Menteri Muda Penerangan dan Siaran Radio tadi, pada chukup umor-nya 21 tahun kita akan jadikan Radio Malaya ini; apa kata dia tadi!

An Honourable Member: Malayanisation!

**Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah):** Erti-nya semua kerja yang akan di-laksanakan oleh Radio Malaya akan terdiri daripada anak negeri ini sendiri. Baik, Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita berhadapan dengan suatu maksud dan tujuan hendak mengadakan satu Radio Orchestra bagaimana Radio Jakarta mengadakan Radio Orchestra-nya maka kita pun ingin hendak membuat bagitu. Bagus-lah, Tuan Yang di-Pertua, saya menguchapkan shukor dan mengangkat topi juga kapada Menteri Muda Penerangan dan Siaran Radio yang hendak membuat bagitu. Tetapi saya meminta dan mengharapkan, apa yang di-kata-nya memang di-kotakan. Umor-nya 21 tahun—tahun depan, kita ada satu Orchestra yang di-kelolakan oleh ra'ayat negeri ini sendiri; sebab kita maseh kekurangan sa-orang conductor. Conductor di-sini bergaji $1,250, jadi ada peluang-lah bagi anak Melayu atau anak negeri ini akan mendapat kedudokan yang di-sebutkan "Conductor" yang bergaji $1,250 itu pada tahun 1961. Tetapi mendukachitakan saya, Tuan Yang di-Pertua, bahawa di-dalam Item 57 ada Expatriation Pay, erti-nya mungkin agak-nya bahawa Conductor ini bukan orang Melayu—orang daripada luar, sebab ada di-sini Expatriation Pay sa-banyak $8,700 kemudian Non-Pensionable Expatriate Allowance, Housing and Hotel Allowances $130,000. Jadi, saya tidak tahu; kalau saya salah tentu-lah akan di-betulkan oleh Menteri Muda Penerangan dan Siaran Radio nanti, apa-kah Conductor ini akan menepati kata Menteri Muda itu sendiri bahawa Radio Malaya akan di-punyai dan di-control oleh anak negeri ini sendiri atau pun dia hanya berchakap sahaja, sedangkan di-dalam peruntokan Radio Orchestra ini ada Expatriate di-dalam-nya. Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan supaya Menteri Muda Penerangan dan Siaran Radio ini mengambil note apa yang saya

katakan tadi, jangan-lah sampai menghinakan orang dan jangan-lah sampai tiada berfaedah langsong, malahan bertambah baik daripada satu masa ka-satu masa di-dalam siaran Radio kita ini.

**Che' Khadijah binti Mohd. Sidek:** Tuan Yang di-Pertua, item (11) Malay and English Programme Organisers. Tadi pehak saudara saya telah berchakap dalam soal siaran kelakar, maka di-sini saya akan menambahkan sedikit dalam perkara ini. Dalam siaran kelakar ini sepatut-nya hendak-lah di-tapis kerana kelakar itu mengetawakan atau menggelikan hati para pendengar, tetapi dalam mengisikan semangat keinsafan sambil ia ketawa itu yang mana harus pula di-beri sechara pelajaran, kerana kelakar yang selalu di-siarkan oleh Radio Malaya saperti yang terkenal dengan nama "Ismail Bontak" . . . . . .

**Mr. Speaker:** Jangan sebutkan nama-nya.

**Che' Khadijah binti Mohd. Sidek:** Kalau ta' boleh minta ma'af, Tuan Pengerusi. Dia selalu memberikan nama kapada pehak wanita yang boleh di-katakan dengan sechara *perli* dan merendahkan wanita saperti *mambang*, *kundor* dan sa-bagai-nya. Kenapa selalu di-sebutkan kapada pehak wanita sahaja sa-hingga menjadi permainan pula dalam perkara ini, terutama kapada pemuda² di-tengah jalan. Oleh yang demikian saya berharap kapada Menteri yang berkenaan supaya dalam negara yang merdeka ini jangan-lah hendak-nya siaran kelakar itu merendahkan kapada kaum wanita dan di-samping itu kalau boleh hendak-lah di-beri pelajaran kapada anak² muda kita supaya memberi penghormatan kapada pemuda pemudi-nya.

Saya sangat mushkil berikutan dengan siaran cherita² pendek yang selalu-nya cherita² itu menangis sahaja. (*Ketawa*). Yang menangis itu ta' ada orang lain daripada wanita, jadi sa-olah² wanita Tanah Melayu ini tukang menangis sahaja. Maka dengan yang demikian hendak-lah cherita² itu di-tapis terlebeh dahulu dan kalau boleh beri-lah cherita² yang bersemangat yang boleh memberi galakan kapada pemuda pemudi ra'ayat seluroh Persekutuan Tanah Melayu dan jangan-lah hendak-nya memberi semangat dengan penderitaan perempuan sahaja dengan chara menangis.

Selain daripada itu saya minta supaya di-adakan satu siaran khas bagi "Anak² Kechil". Ini ada-lah satu galakan keberanian kapada anak² kita saperti chontoh yang di-bawa oleh Pa' Kasur dari Indonesia. Maka dengan ada-nya siaran khas bagi anak² kita ini tentu-lah akan memberi perangsang kapada mereka mendengar siaran radio, tetapi saya berharap jangan-lah hendak-nya siaran khas ini di-beri peluang atau di-ambil dari anak² pegawai radio sahaja.

**Enche' Mohamed Yusof bin Mahmud:** Tuan Yang di-Pertua, item 27—Wireless Inspection Officers. Saya dapati dalam kepala ini chuma ada 7 orang sahaja yang mana saya fikir tentu-lah susah, kerana 7 orang ini ta' boleh memereksa atau mengawasi orang² yang ada mempunyai radio yang ta' ada mempunyai licence. Chontoh-nya, boleh kita perhatikan pemuda² sekarang yang ada mempunyai Radio Transistor yang di-selindangkan beberapa banyak dalam negeri ini. Saya perchaya tentu-lah Radio Transistor ini berkehendakan licence juga, tetapi memandangkan pegawai² yang di-untokkan di-sini hanya 7 orang sahaja meliputi seluroh Tanah Melayu maka saya fikir tentu-lah tidak boleh dapat menjalankan kerja-nya, dengan sebab itu kita kehilangan wang yang banyak daripada licence² itu. Sunggoh pun ada penerangan² daripada Jabatan Siaran Radio berhubong dengan pertanyaan berkenaan dengan Radio Transistor ini yang di-beritahu ia-itu mereka² yang ada mempunyai licence radio di-rumah boleh memakai Radio Transistor dengan ta' payah di-bayar licence, tetapi ada-kah betol tiap² orang yang memakai Radio Transistor itu ada licence radio di-rumah-nya.

Perkara ini ada-lah satu perkara yang sangat rumit hendak di-pereksa dan dengan yang demikian saya berharap supaya mendapat tambahan lagi pegawai² itu agar kewangan bagi pehak Jabatan Siaran Radio akan berlebeh lagi.

**Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak menjelaskan di-atas beberapa perkara

yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah. Nampak-nya tegoran² yang di-buat-nya itu terlampau umum dan tidak tertentu pada sa-suatu kejadian, pada satu² hari, pada satu² jam yang tertentu yang boleh menyenangkan pehak pegawai² yang berkenaan menjalankan pemereksaan. Berkenaan dengan lagu² yang di-petek dari film dan di-masokkan dalam siaran radio itu yang mana Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah itu menudoh Jabatan Siaran Radio ini telah menjadi satu alat yang berkhidmat dengan perchuma kapada . . . . . .

**Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah)**: Untok penerangan, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menudoh bahawa siaran radio ini hendak di-jadikan alat, tetapi programme yang ada sa-akan² yang Radio Malaya itu sudah menjadi alat. Bukan saya tudoh—tidak.

**Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar**: Saya tak faham bahasa Melayu dia, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*). Berkenaan dengan penerangan ini dia mengatakan bahawa kita menjadikan alat atau sa-akan², atau sa-macham, atau sa-rupa, atau apa juga. Jadi kita hanya menyiarkan lagu² yang di-petek dari film itu ia-lah sa-bahagian daripada hiboran yang biasa di-adakan oleh Radio Malaya.

Berhubong dengan lawak jenaka sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun tadi yang mana kata-nya kadang² "keterlaluan", tetapi dalam perkara ini yang sa-benar-nya telah di-bangkitkan lebeh dahulu daripada perkara ini berkenaan dengan lawak jenaka dari Radio Malaya itu dan saya fikir dalam masa kebelakangan ini yang mana saya sendiri mengikuti siaran lawak jenaka yang di-siarkan oleh Radio Malaya itu saperti mana yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah itu ta' ada lagi. Lagi sa-perkara yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ia-lah berkenaan dengan "Kebun Pa' Awang". Kebun Pa' Awang ini tidak-lah di-tujukan untok menghina sa-suatu suku atau sa-suatu gulongan dalam negeri ini, tetapi kebetolan pula orang² yang menjadi lawak itu lebai, maka saya pun tak tahu apa-kah istilah atau ta'arif lebai itu, tetapi saya ingin hendak menolak tegoran yang mengatakan bahwa Kebun Pa' Awang itu sa-umpama atau sa-olah² yang Radio Malaya ini sengaja hendak menghina atau hendak menjatohkan sa-suatu gulongan daripada suku Jawa. Maka perkara yang sa-bagini tidak-lah menjadi tujuan atau maksud siaran Kebun Pa' Awang itu.

Saya harap Ahli Yang Berhormat itu tidak akan memandang soal ini daripada segi yang gelap dan burok untok hendak memperlagakan kita dengan orang lain. Kalau orang lawak itu keturunan Jawa, Banjar, Bugis atau pun lain² keturunan —itu kebetulan sahaja—bukan-lah kita sengaja hendak menjatohkan atau pun menghina sa-saorang itu, kerana suku atau keturunan-nya.

Sa-perkara lagi ia-lah berkenaan dengan sandiwara, ia minta supaya sandiwara radio ini jangan banyak sangat cherita asmara. Ini satu perkara yang terlampau rumit dalam dunia radio, kerana telinga, ragam, penerimaan dan rasa pendengar² itu macham²—tidak sa-macham—ada orang suka cherita asmara dan ada yang tidak suka; tetapi kalau ada pun sandiwara asmara, saya harap kapada Ahli Yang Berhormat itu dengar-lah sa-sekali, barang-kali boleh mengingatkan beliau masa dia muda (*Ketawa*) dan Ahli Yang Berhormat itu juga mengatakan siaran hiboran lebeh banyak daripada warta berita. Memang satu daripada tujuan mengadakan radio ini ia-lah untok hiboran, dan boleh di-katakan di-lain² negeri siaran hiboran itu di-kira sa-banyak 80 peratus daripada jam yang di-untokkan bagi siaran² lain; tetapi kita di-sini tidak sampai bagitu, kita mengambil masa untok siaran hiboran kapada orang ramai, dan di-dalam hiboran yang melalui sandiwara, lawak-jenaka dan lain² ranchangan itu semua-nya ada mengandongi pendidekan dan pelajaran serta mengandongi bibit² akhlak juga.

Berkenaan dengan juru-hebah yang tidak lanchar yang di-sebutkan dalam perbahathan ini sa-malam, saya akan mengambil perhatian di-atas perkara itu, dan saya ingin memberi tahu dan memberi jaminan kapada Dewan ini bahawa kita akan menchuba sa-berapa yang terdaya menchari juru-hebah yang

petah, lanchar dan tepat chara menyebutkan tiap² perkataan itu. Sa-perkara lagi yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi berkenaan dengan Expatriate Allowance pegawai² dagang. Ia telah mengkaitkan perkara ini dengan satu ranchangan baharu ia-itu hendak mengadakan orkes bagi Radio Malaya. Soal elaun pegawai dagang ini tidak ada kena-mengena dengan orkes yang hendak di-adakan itu. Ketua orkes yang hendak menjalankan itu ia-lah ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu, bukan orang yang di-jemput atau di-ambil daripada luar negeri, dan peruntokan bagi pegawai dagang itu ia-lah baki yang akan di-bayar kapada 2 orang pegawai dagang yang ada pada hari ini yang akan habis tempoh-nya pada tahun hadapan.

Sa-perkara lagi yang mana saya tidak hendak sebutkan dengan banyak ia-itu perkara yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun berkenaan dengan siaran untok kanak². Perkataan-nya mengelirukan saya sadikit, kerana sa-tahu saya kita ada siaran kanak² yang biasa di-adakan ia-itu "Mak Iti dengan anak²-nya" kalau ini yang di-maksudkan, ranchangan itu memang sudah ada. Tetapi kalau . . . . .

**Che' Khadijah binti Mohamed Sidek:** Tuan Yang di-Pertua, untok penerangan. Maksud saya untok kanak² itu hendaklah di-adakan sa-bagaimana yang di-chontohi oleh "Pa' Kasor" yang datang beberapa waktu yang lalu.

**Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kaseh. Kita akan mengadakan siaran kanak² yang kita berharap akan lebeh sempurna, lebeh lengkap daripada yang ada pada hari ini, dengan tidak mahu mengikat diri—hendak meniru "Pa' Kasor" atau tidak "Pa' Kasor" (*Tepok*) kita hendak membuat mengikut chorak dan udara Tanah Melayu . . . . .

**Che' Khadijah binti Mohamed Sidek:** Terima kaseh kerana akan di-ubah.

**Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar:** Berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat dari Temerloh yang mendatangkan tegoran ia-itu hendakkan pegawai lesen radio ini di-tambah, saya menguchapkan terima kaseh atas ingatan-nya itu dan Kerajaan akan memandang berat, tetapi wang kita lebeh perlu kapada lain² peruntokan tentu-lah pada tahun ini tidak dapat di-tambah; tetapi kemudian hari boleh.

**Enche' Zulkiflee bin Muhammad:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyambong uchapan-nya itu berkenaan dengan "Pa' Lebai" tadi. Saya rasa tidak menjadi keberatan atau ada-kah menjadi keberatan sangat bagi pehak Radio Malaya menghapuskan character itu di-gantikan dengan Si-Ali atau Si-Ahmad supaya jangan timbul salah sangka dari satu masa ka-satu masa.

**Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar:** Berkenaan dengan soal "Pa' Lebai" itu hendak di-hapuskan daripada siaran radio, barangkali boleh, tetapi tidak dapat hendak di-hapuskan daripada masharakat negeri ini. Ranchangan Kebon Pa' Awang, tujuan-nya ia-lah hendak menggambarkan keadaan masharakat dalam negeri ini; apa² character, tokoh dan watak yang ada dalam negeri ini kena-lah di-gambarkan dalam satu² cherita itu.

**Enche' Zulkiflee bin Muhammad:** Tuan Yang di-Pertua, sa-tahu saya pada suatu masa dahulu, Radio Malaya sudah membuat tegahan, sa-kurang²-nya tidak suka dengan ajokan yang di-lakukan, umpama-nya, orang Melayu berlawak mengajok telor China atau telor India, kerana itu akan menyakitkan hati kaum yang tertentu. Boleh jadi orang yang asal-nya daripada keturunan Jawa keberatan mendengar-nya. Saya rasa buatlah satu character saperti Si-Ali manusia yang bodoh. Saya rasa itu lebeh baik daripada menyakitkan hati sa-siapa. Tidak-lah mesti Radio Malaya itu menggambarkan masharakat walau pun ia memimpin masharakat itu.

**Che' Khadijah binti Mohamed Sidek:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap sadikit berkenaan dengan cherita pendek yang sebok dengan menangis tadi, saya belum dapat jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Muda . . . . .

**Mr. Speaker:** Lagu!

**Che' Khadijah binti Mohamed Sidek:** Tidak, cherita pendek.

**Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar:** Saya sengaja tinggalkan perkara itu (*Ketawa*) kerana tidak ada apa benda yang saya hendak chakapkan. Kata-nya cherita pendek itu bila habis sahaja menangis dan bila habis cherita itu perempuan pula yang menangis. Jawab-nya yang selalu menangis dan mengeluarkan ayer mata itu orang perempuan. Jadi itu-lah banyak² cherita apabila ada bahagian (part) mengeluarkan ayer mata dan menangis itu orang perempuan. Hendak mengelakkan perempuan daripada itu, saya tidak tahu, itu terpulang kapada pengarang yang membuat cherita² pendek itu.

**Che' Khadijah binti Mohamed Sidek:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bermaksud supaya perempuan jangan menangis. Maksud saya supaya tiap² kali keluaran cherita pendek itu jangan-lah cherita yang menangis sahaja. Kalau Yang Berhormat Menteri Muda tadi memberi jawapan cherita atau sandiwara itu tidak dapat di-elakkan walau pun boleh di-hapuskan oleh Radio Malaya, tetapi tidak boleh di-hapuskan daripada masharakat, kerana mempertahankan watak ra'ayat Tanah Melayu ini. Kalau bagitu keadaan-nya, ada-kah Radio Malaya apabila hendak menyiarkan sa-suatu cherita atau pun sandiwara itu hendak bertanya kapada seluroh ra'ayat Tanah Melayu ini, Tuan Yang di-Pertua? Saya rasa tidak. Jadi itu-lah dia apabila siaran itu di-buka, maka apa yang di-chorakkan oleh Radio Malaya, itu-lah yang kita dengar; untok mengubah-nya ada-lah terletak di-tangan pehak Radio Malaya, tidak di-tangan ra'ayat.

**Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah):** Tuan Yang di-Pertua, saya tadi mengemukakan soal Kebun Pa' Awang ia-itu ada satu orang di-panggil Pa' Lebai, saya tidak sama sa-kali menyentoh Pa' Lebai yang luar daripada dalam Kebun Pa' Awang. Tetapi Menteri itu sudah tersalah faham. Pa' Lebai dalam negeri ini ada-lah telah menjadi satu golongan masharakat. Di-dalam cherita Kebun Pa' Awang ada sa-orang Pa' Lebai; orang yang dudok dalam Kebun Pa' Awang itu pula orang Jawa, jadi supaya jangan menghinakan orang Jawa dengan chara di-sengaja atau tidak di-sengaja dan juga menghinakan Pa' Lebai, jadi jangan-lah Pa' Lebai itu tersinggong apa salah-nya kalau yang di-katakan si-bodoh itu si-Ali atau sa-bagai-nya. Itu sahaja yang kita minta.

**Enche' Abdul Ghani bin Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap menerangkan satu perkara yang patut sangat kita fikirkan bersama ia-itu fasal dia memaksa tiap² pengarang itu mengikut kemahuan dia sa-orang. Saya juga kemarin ada mengarang cherita pendek dan saya tidak mahu hendak mengikut orang lain punya chara. Jadi saya rasa tidak boleh-lah kita hendak salahkan kapada sa-siapa dan memadaï-lah dengan mengingatkan sahaja . . . . .

**Che' Khadijah binti Mohd. Sidek:** Saya fikir tidak ada kena-mengena dengan pengarang, kerana cherita itu sudah di-kirimkan kapada Radio Malaya dan Radio Malaya-lah yang akan menapis-nya.

**Mr. Speaker:** Awak tidak boleh berchakap sampai dia beri jalan (*Ketawa*). Ini awak dua² orang berchakap, dua² orang berdiri dalam Majlis ini (*Ketawa*). Saya sentiasa memandang jangan ada dua orang berdiri pada satu masa, bila saya berchakap dudok pula. Bila hendak berchakap tanya dahulu sama ada dia hendak beri jalan atau tidak (*Ketawa*).

**Che' Khadijah binti Mohd. Sidek:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak (*Ketawa*).

**Enche' Abdul Ghani bin Ishak:** Itu-lah saya hendak tegaskan balek bahawa tiap² pengarang itu ada hak. Penyunting juga ada hak, jadi apabila hendak memereksa atau hendak menapis tiap² karangan itu tidak boleh menghilangkan maksud atau tujuan pengarang² itu, jadi tentu-lah susah macham mana theory yang di-chakapkan itu hendak di-sesuaikan oleh pehak Radio Malaya, kechuali semua cherita itu di-buat sendiri baharu-lah dapat macham mana kehendak kita.

**Che' Khadijah binti Mohamed Sidek:** Tuan Yang di-Pertua, dalam soal pengarang saya juga biasa—watak sa-saorang itu berlainan. Ada orang itu susah, sedeh, dan ada yang menangis. Ada wanita itu bersemangat maka ber-semangat-lah cherita itu. Tidak-lah

orang² yang mengirimkan cherita² itu ka-Radio Malaya yang wanita itu untok menangis sahaja. Jadi itu-lah yang saya katakan siaran hari ini wanita itu untok menangis sahaja—tidak-lah berma'ana sakira-nya cherita itu ada menangis maka di-buang atau tidak di-pakai—tidak. Saya harap pada masa yang akan datang jangan-lah di-untokkan wanita itu untok menangis sahaja.

Question put, and agreed to.

The sum of $5,763,059 for Head 8 ordered to stand part of the Schedule.

*Head 9—*

**The Prime Minister:** Mr. Speaker, Sir, there has not been any substantial change in the Estimates of the Federation Establishment Office. However, there are a number of items which I wish to touch on.

As regards Sub-head 8, item (4), Munshi Allowances and Travelling Expenses, it will be seen that there will be a substantial increase in the expenditure on Munshi allowances and it is necessary because of the growing emphasis on the study of the National Language.

With regard to Sub-head 4, I would like to say that this is a new item. The Federation is once again contributing to the Technical Co-operation under the Colombo Plan by giving Colombo Plan awards to other member countries. This vote was previously administered by the Treasury. The sum of $33,000 which has been entered in the Estimates is for the purpose of financing Colombo Plan awards to candidates from other member countries. Two trainees from Sarawak are now under training in rice agronomy in the Federation under the Colombo Plan. More trainees are expected to arrive before the end of the year, and in 1961.

I think that is all I need to say at this stage.

**Mr. Speaker:** The debate on this Head will resume tomorrow.

The House is adjourned to half-past ten a.m. tomorrow.

*Adjourned at 4.30 p.m.*